

**ASPEK PERANCANGAN BANDAR YANG MEMPENGARUHI
REBRANDING BANDARAYA ALOR SETAR DALAM
KONTEKS PELANCONGAN**

MOHD YUSRI BIN MD DAUD

**SARJANA SAINS (PENGAJIAN STRATEGIK)
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA
06010 SINTOK,
KEDAH DARUL AMAN**

MEI 2014

**ASPEK PERANCANGAN BANDAR YANG MEMPENGARUHI
REBRANDING BANDARAYA ALOR SETAR DALAM
KONTEKS PELANCONGAN**

MOHD YUSRI BIN MD DAUD

Tesis ini dihantar ke Pusat Pengajian Siswazah, Universiti Utara Malaysia (UUM)
bagi memenuhi syarat memperolehi Sarjana Sains (Pengajian Strategik)

PERAKUAN HAKCIPTA

Hakcipta terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan ulang dan atau membuat salinan mana-mana bahagian, bab, ilustrasi atau isi kandungan ilmiah ini dalam apa jua bentuk dan dengan cara apa jua pun sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanika, rakaman atau cara lain sebelum mendapat kebenaran bertulis daripada Kolej Undang-Undang, Kerajaan dan Pengajian Antarabangsa.

PERAKUAN PELAJAR

Dengan ini, saya Mohd Yusri Bin Md Daud (813219), mengakui bahawa kajian ini adalah hasil nukilan saya sendiri kecuali petikan, huraian dan ringkasan yang terdapat di dalamnya yang telah dinyatakan sumbernya.

Tarikh : _____

Tandatangan Pelajar

KEBENARAN MERUJUK TESIS

Kajian ini dikemukakan sebagai memenuhi syarat pengijazahan Sarjana Sains (Pengajian Strategik), Universiti Utara Malaysia. Saya bersetuju memberi kebenaran kepada pihak perpustakaan university ini untuk mempamerkannya sebagai rujukan. Saya juga bersetuju bahawa sebarang salinan sama ada secara keseluruhan atau sebahagian daripada kajian ini untuk tujuan akademik adalah dibolehkan dengan kebenaran penyelia tesis atau Dekan Pusat Pengajian Siswazah, Kolej Undang-undang, Kerajaan dan Pengajian Antarabangsa (COLGIS). Sebarang bentuk salinan dan cetakan bagi tujuan komersil dan membuat keuntungan adalah dilarang sama sekali tanpa kebenaran bertulis daripada penyelidik. Pernyataan rujukan kepada penulis dan Universiti Utara Malaysia perlulah dinyatakan jika sebarang bentuk dibuat ke atas kajian ini.

Kebenaran untuk menyalin atau menggunakan kajian ini sama ada secara keseluruhan atau sebahagian daripadanya hendaklah dipohon melalui:

**DEKAN PUSAT PENGAJIAN SISWAZAH
KOLEJ UNDANG-UNDANG, KERAJAAN DAN PENGAJIAN ANTARABANGSA
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA
06010, SINTOK, KEDAH DARUL AMAN**

ABSTRACT

The state government and the local authority are the main players in determining the image and the identity of a city. Role played by the administrator at the state and local government level are to make sure that all the planning development of a city are implemented systematically and perfectly to fulfil the purposes and the objectives fixed in the State Structural Plan and the Local Plan. The State Government and the Local Authority always need to be cautious with the public demand especially the city dwellers lived in the service areas because they have to pay for all the services supplied. Complains and uneasiness that exist among the public will indirectly tarnish both level of governments' reputations. The continuous social well-being development through the implementation of sustainable city concept and the quality of life improvement process has to be well planned and implemented. Through the physical planning, city design, business, landscape, tourism, transportation and traffic aspects can help Kedah State and Alor Setar City Council to rebrand Alor Setar City especially the city centre area. Through the systematic land use planning will make Alor Setar more dynamic and attractive as a tourism attraction city in line with the rebranding planning.

Keywords: Planning development, sustainable city, quality of life, city rebranding and tourism

ABSTRAK

Kerajaan Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan merupakan penggerak penting dalam mencorak imej dan identiti sesebuah bandar. Peranan yang dimainkan oleh para pentadbir di peringkat kerajaan negeri dan kerajaan tempatan adalah untuk memastikan bahawa setiap perancangan pembangunan bandar dilaksanakan dengan bersistematik dan sempurna bagi mencapai matlamat dan objektif yang telah ditetapkan sepertimana terkandung dalam Rancangan Struktur Negeri dan Rancangan Tempatan. Kerajaan Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan perlu sentiasa peka dengan kehendak dan keperluan masyarakat terutamanya penduduk bandar yang berada dalam kawasan perkhidmatan majlis kerajaan tempatan. Ini adalah kerana mereka perlu membayar setiap perkhidmatan yang disediakan kepada mereka. Kewujudan ketidakpuasan dan rungutan masyarakat secara tidak langsung akan mencalar raputasi pentadbiran kedua-dua peringkat kerajaan. Sehubungan dengan itu pembangunan kesejahteraan sosial yang berterusan melalui pelaksanaan konsep bandar lestari dan juga proses peningkatan kualiti hidup penduduk perlu dilaksanakan dengan baik dan terancang. Melalui aspek-aspek perancangan fizikal, reka bentuk bandar, perniagaan, lanskap, pelancongan, pengangkutan dan lalulintas dapat membantu pihak kerajaan negeri Kedah dan juga Majlis Bandaraya Alor Setar membuat *rebranding* kepada Bandaraya Alor Setar khususnya di kawasan pusat bandar. Dengan perancangan gunatanah yang bersistematik dapat menjadikan Alor Setar sebagai bandaraya tarikan pelancongan yang lebih dinamik dan menarik selari dengan *branding* yang dirancangkan.

Kata Kunci: Perancangan pembangunan, bandar lestari, kualiti hidup, penjenamaan semula bandar dan pelancongan

PENGHARGAAN

Dengan nama Allah Yang Maha Pemurah lagi Maha Penyayang serta selawat dan salam ke atas junjungan kita Nabi Muhammad S.A.W., di atas limpah kurniaNya saya akhirnya dapat menyempurnakan Kertas Projek yang bertajuk Aspek Perancangan Bandar yang Mempengaruhi *Rebranding* Bandaraya Alor Setar dalam Konteks Pelancongan yang mengambil masa selama lebih kurang 4 bulan untuk menyiapkannya. Di sepanjang menyiapkan Kertas Projek ini, banyak pihak yang membantu dan memberikan kerjasama dalam menyiapkan Kertas Projek ini. Pertamanya saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi ucapan terima kasih kepada Y.Bhg. Prof. Madya Dr. Dani bin Salleh selaku Penyelia Utama di Kolej Undang-Undang, Kerajaan dan Pengajian Antarabangsa di atas segala khidmat nasihat, tunjuk ajar dan kerjasama beliau di sepanjang penyediaan Kertas Projek ini sehingga ia dapat disempurnakan dengan jayanya.

Dikesempatan ini juga saya mengucapkan terima kasih kepada Y.B. Dato' Paduka Haji Mohd Puat bin Haji Mohd Ali (Setiausaha Kerajaan Negeri Kedah Darul Aman), Y.Bhg. Dato' Haji Bakar bin Din (Pengarah Unit Perancang Ekonomi Negeri Kedah Darul Aman), Y.Bhg. Dato' Haji Mat Noh bin Ahmad (Datuk Bandar Majlis Bandaraya Alor Setar), Tuan Haji Syed Shahrudin bin Syed Abdullah (Ketua Penolong Setiausaha Kerajaan – Bahagian Kerajaan Tempatan) dan semua kakitangan berkenaan yang terlibat secara langsung mahupun tidak langsung dalam memberikan kerjasama dalam menyiapkan Kertas Projek ini.

Istimewa juga saya ucapkan kepada kedua ibu bapa saya, isteri dan anak-anak saya yang telah banyak berkorban dan sentiasa mendoakan kejayaan saya. Begitu juga dengan rakan-rakan seperjuangan (Pegawai-Pegawai Tadbir Negeri Kedah Darul Aman – KCS) di atas bantuan yang dihulurkan selama ini dan seterusnya saya dengan rendah diri memohon ampun dan maaf atas segala kekurangan yang terdapat dalam Kertas Projek ini.

Sekian, terima kasih

MOHD YUSRI BIN MD DAUD
KOLEJ UNDANG-UNDANG, KERAJAAN DAN PENGAJIAN
ANTARABANGSA,
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA
06010, SINTOK, KEDAH DARUL AMAN

SENARAI KANDUNGAN

BAB	PERKARA	MUKA MURAT
	PERAKUAN HAKCIPTA	iii
	PERAKUAN PELAJAR	iv
	KEBENARAN MERUJUK TESIS	v
	<i>ABSTRACT</i>	vi
	ABSTRAK	vii
	PENGHARGAAN	viii
	SENARAI KANDUNGAN	ix
	SENARAI JADUAL	xiii
	SENARAI RAJAH	xv
	SENARAI SINGKATAN	xvi
BAB 1	PENGENALAN	
	1.1 Pendahuluan	1
	1.2 Penyataan Masalah	4
	1.3 Persoalan Kajian	8
	1.4 Objektif Kajian	9
	1.5 Skop Kajian	9
	1.6 Kepentingan Kajian	13
	1.7 Dasar Perancangan Pembangunan Berkaitan dengan Kajian	14
	1.8 Pendekatan Kajian	17
	1.9 Rumusan Bab	18

BAB 2	<i>REBRANDING BANDAR DALAM KONTEKS PELANCONGAN</i>	
2.1	Pendahuluan	19
2.2	<i>Branding</i> Bandar dan Pelancongan	19
2.3	Rumusan Bab	26
BAB 3	METODOLOGI KAJIAN	
3.1	Pendahuluan	27
3.2	Ciri-Ciri Setempat	27
3.3	Rekabentuk dan Skop Kajian	27
3.3.1	Peningkatan Imej Bandaraya	28
3.3.2	Pengukuhan Fungsi Bandaraya Sebagai Pusat Aktiviti	29
3.3.3	Penggalakkan Penglibatan Komuniti Setempat Dalam Aktiviti Pusat Bandar dan Pewujudan Persekitaran ‘Lega’ Serta Penonjolan Unsur Tarikan Pelancong	31
3.3.4	Peringkat Pembangunan Ilmu dan Tamadun Masyarakat Secara Progresif	33
3.4	Kaedah Pengumpulan Data dan Maklumat	33
3.4.1	Data dan Maklumat Primer	34
3.4.2	Data dan Maklumat Sekunder	36
3.5	Tatacara Analisis Maklumat	36
3.6	Rumusan Bab	37

BAB 4	ANALISIS DAPATAN KAJIAN	
4.1	Pendahuluan	38
4.2	Hasil Kajian	38
4.2.1	Dapatan Isu-Isu Gunatanah dan Halangan di Pusat Bandaraya Alor Setar	39
4.2.2	Keadaan Semasa Pusat Bandaraya Alor Setar	41
4.2.3	Tema Rancangan Pembangunan	42
4.2.3.1	Rekabentuk Bandar	42
4.2.3.2	Lanskap	45
4.2.3.3	Pengangkutan dan Lalulintas	48
4.2.3.4	Perniagaan	49
4.2.3.5	Pelancongan	51
4.2.4	Konsep Pembangunan	54
4.3	Rumusan Bab	58
BAB 5	STRATEGI DAN PERANCANGAN <i>REBRANDING</i>	
5.1	Pendahuluan	59
5.2	Strategi Pembangunan	60
5.3	Cadangan Program Pembangunan	63
5.4	Rumusan Bab	77

BAB 6	RUMUSAN DAN KESIMPULAN	
6.1	Pengenalan	78
6.2	Rumusan dan Kesimpulan	79
	SENARAI RUJUKAN	80

SENARAI JADUAL

NO.	JADUAL	MUKA MURAT
Jadual 4.1	Taburan Jenis Perniagaan di Pusat Bandaraya Alor Setar	50
Jadual 4.2	Zon Karektor dan Ciri-Ciri Cadangan Pembangunan Bandaraya Alor Setar	55
Jadual 5.1	Cadangan Program Pembangunan (<i>Waterfront</i> Alor Setar)	64
Jadual 5.2	Cadangan Program Pembangunan (Pembinaan Hotel Resot)	65
Jadual 5.3	Cadangan Program Pembangunan (Pembinaan Pusat Konvensyen)	66
Jadual 5.4	Cadangan Program Pembangunan (Pusat Rekreasi Wan Mat Saman)	67
Jadual 5.5	Cadangan Program Pembangunan (Pembangunan <i>Linear Park</i>)	68
Jadual 5.6	Cadangan Program Pembangunan (Pembangunan Pusat Sukan Air dan Pembangunan Medan dan Promenade Limbong Kapal)	69
Jadual 5.7	Cadangan Program Pembangunan (Pembangunan Pusat Perniagaan Baru dan Pembangunan Hub Pengangkutan)	70

Jadual 5.8	Cadangan Program Pembangunan (Pembangunan <i>Green Lung</i> dan Pembangunan Taman Jejak Warisan dan Taman Warisan Melayu)	71
Jadual 5.9	Cadangan Program Pembangunan (Medan Masjid Zahir dan Pembangunan Pusat Rehat dan Rawat/R&R Alor Setar)	72
Jadual 5.10	Cadangan Program Pembangunan (Naiktaraf Pekan Rabu dan Pembangunan Bazaar Che Det)	73
Jadual 5.11	Cadangan Program Pembangunan (Pembangunan Medan Pekan Rabu dan Pembangunan Naiktaraf Pekan Melayu)	74
Jadual 5.12	Cadangan Program Pembangunan (Naiktaraf Pekan Cina dan Pembangunan Medan Selera Tanjung Chali)	75
Jadual 5.13	Cadangan Program Pembangunan (Pembangunan Pelantar Persisiran Sungai dan Pembangunan Sistem Pejalan Kaki dan Basikal)	76

SENARAI RAJAH

NO.	RAJAH	MUKA MURAT
Rajah 1.1	Aspek-aspek Berkaitan <i>Rebranding</i> Bandaraya Alor Setar	12
Rajah 5.1	Hubung Kait Tema Pembangunan Dengan <i>Rebranding</i> Bandaraya Alor Setar	62
Rajah 5.2	Tafsiran Kepada Komponen Proses <i>Rebranding</i> Oleh Kavartzis & Ashworth (2006)	77

SENARAI SINGKATAN

DPN	Dasar Perbandaran Negara
DRSN	Dasar Rancangan Struktur Negeri
DS	Dasar Subjek
DU	Dasar Utama
KTPU	Kawasan Tumpuan Pembangunan Utama
KWRC	Kuantan <i>Waterfront Resort City</i>
LPPP	Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan
MBAS	Majlis Bandaraya Alor Setar
MPAJ	Majlis Perbandaran Ampang Jaya
MPWEPT	Majlis Pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur
PKKDK	Pejabat Kesatuan Kerabat Diraja Kedah
PSMPK	Pelan Strategik Majlis Perbandaran Kuantan
PIKTCC	Pelan Induk Kuala Terengganu <i>City Center</i>
PSKT	Pelan Struktur Kuala Terengganu
RTDKS	Rancangan Tempatan Daerah Kota Setar
RTKT	Rancangan Tempatan Kuala Terengganu
UPP	Unit Pencegahan Penyeludupan
WEKU	Wilayah Ekonomi Koridor Utara

Bab 1

PENGENALAN

1.1 Pendahuluan

Bandar mempunyai peranan yang sangat penting sebagai pemangkin atau enjin kepada pertumbuhan ekonomi, pusat bagi inovasi dan keusahawanan serta sumber perkhidmatan sosial yang tinggi. Sesebuah bandar secara berterusan akan mengalami perubahan dari aspek tahap perbandaran dan sering memperlihatkan peningkatan yang signifikan, termasuklah Bandaraya Alor Setar.

Alor Setar terletak di utara negeri Kedah, di pantai barat dan utara Semenanjung Malaysia. Ia terletak 93 kilometer di utara Butterworth, Pulau Pinang dan 45 kilometer di selatan sempadan antarabangsa Malaysia-Thailand. Bandaraya Alor Setar merupakan ibu negeri dan pusat pentadbiran utama kerajaan negeri Kedah Darul Aman. Ia juga merupakan pusat perniagaan bagi daerah Kota Setar dan memberi perkhidmatan kepada kawasan-kawasan di sekitarnya serta seluruh negeri Kedah amnya. Terdapat beberapa bangunan institusi seperti hotel, stadium, hospital dan muzium yang terletak berhampiran antara satu sama lain di Alor Setar.

Alor Setar merupakan salah sebuah bandar yang tertua di Malaysia yang kaya dengan nilai warisan dan sejarah yang wujud sejak 278 tahun dahulu. Disamping itu terdapat juga beberapa bangunan mercu tanda seperti Masjid Zahir, Pekan Rabu, Balai Besar dan Menara Alor Setar di sini. Alor Setar juga termasuk di dalam perancangan Wilayah Ekonomi Koridor Utara (WEKU) yang turut terlibat dalam lonjakan pembangunan ekonomi negeri Kedah.

Dari segi pensejarahannya, Alor Setar telah diasaskan oleh Sultan Muhammad Jiwa Zainal Adilin Mu'azzam Shah pada tahun masehi 1735 dan

merupakan pusat pentadbiran negeri Kedah yang ke-8 semenjak penubuhan Kesultanan Kedah pada tahun masehi 1136 (Ibrahim Ismail, 1987). Nama asal Alor Setar adalah berkisar kepada 'alor' atau 'alur' yang bermaksud lekuk pada suatu permukaan manakala 'setar' merupakan pokok yang mempunyai buah yang kecil serta masam yang juga dikenali sebagai 'kundang' atau 'remia'. Alor Setar telah diisytiharkan secara rasmi sebagai sebuah bandaraya yang ke-9 di Malaysia pada 28 November 2003.

Imej dan identiti sesebuah bandaraya perlu selari dengan peranan serta fungsinya yang mana secara langsung akan menyerlahkan *branding* bandaraya berkenaan. Malah, sesebuah bandaraya itu perlu sentiasa melihat *brandingnya* sama ada relevan ataupun tidak dari semasa ke semasa. Untuk memastikan kejayaan *rebranding* atau penjenamaan semula, sesebuah bandaraya perlu mempunyai fungsi tertentu serta nilai tambah di mana bandaraya itu sepertimana sesuatu jenama barangan, perlu mempunyai fungsi tertentu seperti sebagai destinasi pekerjaan, industri, perumahan, pengangkutan awam dan tempat tarikan rekreasi (Spearritt, Peter, 2002).

Malah, identiti dan imej sesebuah bandaraya boleh digambarkan serta dizahirkan melalui kesenian masyarakat (Chang, 2008). Sehubungan dengan itu pengekal dan pemuliharaan warisan terutamanya dalam kawasan bandar perlu diberi perhatian bagi memastikan keindahan rekabentuk dan kualiti fabrik bandar berasaskan kebudayaan tempatan terpelihara.

Proses perbandaran serta globalisasi yang dialami oleh Bandaraya Alor Setar membawa implikasi serta perubahan yang agak drastik khususnya dari segi imejnya. Bandaraya Alor Setar merupakan antara bandar-bandar lain di Malaysia yang masih lemah dalam mempamerkan identiti yang jelas disamping karektor tersendiri. Kemasukan pengaruh dari luar akan mewujudkan bandar yang bersifat global. Bandaraya Alor Setar mempunyai kecenderungan menjadi *homogeneous* dan risiko kehilangan identiti. Pembangunan yang pesat akan menghasilkan pembangunan yang kurang menarik dan susunatur yang kurang kreatif. *Trend* pembangunan sedia ada lebih mengutamakan penggunaan tanah secara optima dan telah menyebabkan

penekanan kepada rekabentuk bandar diabaikan dalam mewujudkan persekitaran bandar yang lebih selesa dan berstruktur.

Sehubungan dengan itu perlu wujud penyelarasan dari aspek perancangan dan juga pembangunan perbandaran yang lebih efisien dan sistematik dalam membentuk keseimbangan pembangunan dari aspek sosial, ekonomi dan fizikal di dalam sesebuah bandar. Malah ia turut menjadi asas untuk menggalakkan integrasi serta perpaduan kaum/komuniti yang tinggal di kawasan bandar. Kesejahteraan penduduk sesebuah bandar sangat berkait rapat dengan konsep bandar lestari.

Konsep bandar lestari sering dipadankan dengan konsep pembangunan lestari yang cuba mempertingkatkan pertumbuhan ekonomi di samping melindungi persekitaran fizikal bagi menjanakan perkembangan sosio-ekonomi bandar. Ianya ditanggap sebagai satu persekitaran di mana binaan dengan keadaan ekonomi, politik, sosial dan persekitaran masyarakat berada dalam kesejahteraan. Di samping itu, kualiti hidup penduduk bandar perlu terus dipelihara mutunya. Proses meningkatkan kualiti hidup penduduk bandar seharusnya dilaksanakan secara berterusan bagi menjamin keadilan sosial setiap lapisan penghuni bandar. Malah, dalam konteks pembangunan bandar lestari ini, ianya perlu lebih menekankan kepada pembangunan kesejahteraan sosial yang berterusan.

Sehubungan dengan itu, jika dilihat situasi semasa Bandaraya Alor Setar terutamanya di kawasan pusat bandarnya, perancangan bandar *utopia* dari segi fizikal, ekonomi, sosial dan budaya perlu diberi perhatian serius bagi memastikan pembangunan bandar lestari dapat direalisasikan seiring dengan hasrat untuk *rebranding* pusat Bandaraya Alor Setar.

Penjenamaan atau *branding* sesebuah bandaraya adalah berkaitan dengan ‘penjualan’ imej sesebuah bandar menerusi proses-proses penyampaian yang berkaitan dengan set nilai, pengertian dan peranan sosial (Mona Helmy, 2008). *Rebranding* sesebuah bandar akan melibatkan:

- i. Visi, di mana perlu ada objektif dan polisi tertentu.

- ii. Kumpulan sasaran, iaitu penduduk setempat, pelawat dan juga pelabur.
- iii. Institusi, yang mana akan melibatkan pihak berkuasa tempatan, agensi pelancongan, agensi pembangunan ekonomi serta agensi berkaitan dengan maklumat dan media.
- iv. Strategi, melibatkan penjenamaan lokasi (iaitu penjenamaan tataletak, projek dan senibina), penjenamaan kehidupan bandar (iaitu penjenamaan perayaan, gaya hidup, aktiviti kebudayaan dan warisan) serta penjenamaan perniagaan (iaitu penjenamaan persaingan, perkhidmatan dan infrastruktur).
- v. Imej yang digambarkan oleh media sama ada melalui buku, majalah, televisyen dan sebagainya boleh mempengaruhi masyarakat dalam melihat dan menilai sesebuah bandar tersebut. Ianya termasuklah juga dengan peranan yang dimainkan oleh sesebuah logo, slogan, kempen, iklan, bahan cetak dan elektronik serta laman sesawang.

1.2 Pernyataan Masalah

Keadaan dan senario pembangunan semasa Alor Setar memerlukan kepada satu rangka perancangan serta pembangunan yang khusus dan strategik bagi menonjolkan status dan imej sebagai sebuah bandaraya serta ibu negeri Kedah Darul Aman. Terdapat beberapa isu penting yang perlu diatasi berkaitan dengan proses *rebranding* Bandaraya Alor Setar ini, iaitu:

- i. Tiada imej khusus Bandaraya Alor Setar sebagai pusat wilayah negeri di mana tidak ada imej fizikal bagi menggambarkan identiti bandar. Malah banyak berlaku aktiviti tukar guna aktiviti bangunan yang tidak terkawal sehingga berlaku struktur dan corak pembangunan yang kurang jelas. Selain dari itu, wujud masalah percanggahan guna tanah, kemerosotan kualiti alam sekitar dan pencemaran air disebabkan oleh kurangnya

perancangan secara menyeluruh di samping berlaku pembangunan secara *ad hoc* di beberapa kawasan.

- ii. Suasana pusat bandar yang tidak selesa dan kurang mesra pejalan kaki di mana kurangnya jaringan laluan pejalan kaki yang jelas dan lengkap dari segi akses, lintasan, keselamatan (lampu laluan) dan juga teduhan. Di samping itu, tidak terdapat suatu ruang umum yang diterima komuniti/penduduk bandar sebagai ruang identiti yang menjadi tumpuan atau tapak resmi untuk tujuan aktiviti masyarakat.
- iii. Masalah kesesakan lalulintas serta kekurangan tempat letak kenderaan di pusat bandar di mana terdapat kekurangan jalan alternatif serta pengurusan lalulintas yang kurang baik sehingga menyebabkan berlakunya kesesakan lalulintas yang agak kritikal terutamanya ketika waktu puncak di beberapa jalan utama (seperti di sekitar Jalan Teluk Wanjah, Jalan Putra dan Lebuhraya Darul Aman). Di samping itu, wujud sistem jalan sehalu dan jalan bersifat sementara yang tidak efisien di kawasan Jalan Langgar dan Jalan Tengku Ibrahim hingga menyebabkan berlakunya kecelaruan sistem lalulintas di persimpangan Jalan Tengku Ibrahim dan Jalan Sultan Badlishah.
- iv. Selain dari itu, disebabkan kurangnya tempat parkir atau tempat letak kereta di beberapa tempat tumpuan menyebabkan sering berlaku kenderaan berlegar-legar mencari parkir dan diletakkan di tempat serta kawasan yang tidak sepatutnya. Aktiviti perniagaan acap kali terjejas disebabkan pengguna tidak mengunjungi zon-zon perniagaan tertentu disebabkan masalah parkir ini.
- v. Kedudukan lot-lot kosong yang terbiar disamping bangunan terbengkalai menjejaskan imej bandar di mana masih terdapat lot atau ruang yang kosong serta bangunan terbengkalai dan usang yang tidak diuruskan menyakitkan pandangan umum yang perlu dibaikpulih atau dibina baru.

- vi. Kedudukan dan kepentingan bangunan warisan yang perlu dipelihara dan dipulihara kurang diberi perhatian. Sebagai antara beberapa buah bandar tertua di Malaysia serta mempunyai nilai sejarah, aspek budaya dan warisan kurang diberi perhatian sehingga menjejaskan kepentingan dan hilang identitinya. Terdapat beberapa bangunan termasuk institusi kerajaan (seperti bangunan Pejabat Pos Besar dan bangunan Unit Pencegahan Penyeludupan umpamanya) yang kurang diberi perhatian dari segi pemeliharaan dan pemuliharaannya sebagai aset warisan tambahan.
- vii. Perlunya pembangunan semula kawasan-kawasan yang kurang efisien di mana masih terdapat beberapa kawasan dan bangunan perniagaan lama yang operasinya tidak lagi efisien yang perlu dibangunkan semula seperti di sekitar kawasan Limbong Kapal, Jalan Pintu Sepuluh, Jalan Tambang Badak dan sekitar Seberang Perak.

Dalam hal ini, persepsi serta kepuasan penduduk serta para pelancong perlu diberi perhatian kerana ianya menggambarkan sejauh mana strategi pembangunan yang dirangka dan dilaksana oleh kerajaan negeri dan juga kerajaan tempatan telah berjaya. Pihak Berkuasa Tempatan seperti Majlis Bandaraya Alor Setar umpamanya, perlu berdepan dengan kepelbagaian citarasa dan kepentingan kumpulan masyarakat yang perlu dipenuhi. Justeru itu, perlu diteliti sejauhmana fungsi dan peranan Bandaraya Alor Setar sekarang ini telah mewujudkan komuniti dan kehidupan yang sejahtera; iaitu keseimbangan dalam semua aspek pembangunan dari segi fizikal, ekonomi, sosial dan alam sekitar.

Masyarakat di Bandaraya Alor Setar kini telah meningkat kesedarannya mengenai betapa pentingnya persekitaran kehidupan yang selesa, mesra penduduk, terdapat ruang berinteraksi dan juga perasaan 'kesepunyaan'. Malah program lanskap dan pengindahan perlu dilaksanakan di Bandaraya Alor Setar untuk mewujudkan persekitaran bandar yang berkualiti. Sehubungan dengan itu, elemen-elemen rekabentuk bandar perlu diberi penekanan kerana rekabentuk yang baik akan membantu dalam mencapai satu identiti ataupun karektor bandar yang tersendiri.

Bagi membantu mewujudkan keadaan dan suasana bandar yang berkualiti serta berunsur budaya tempatan, kawasan-kawasan bernilai sejarah dan warisan perlu dipulihara serta diintegrasikan dalam pembangunan kawasan Bandaraya Alor Setar. Terdapat beberapa faktor yang mempengaruhi *rebranding* sesebuah bandar sama ada secara langsung atau tidak langsung, antaranya adalah ciri-ciri setempat bandar dan penglibatan penduduk/masyarakat setempat. Faktor-faktor seumpama ini perlu dikenalpasti serta diberi perhatian oleh pihak kerajaan negeri Kedah dan juga Majlis Bandaraya Alor Setar (MBAS). Strategi pembangunan secara menyeluruh adalah perlu bagi memastikan *rebranding* bandar dapat direalisasikan.

Proses perbandaran telah memberi impak yang besar kepada kebanyakan bandar di Malaysia sehingga menyebabkan perlunya memberi *rebranding* ke atas bandar-bandar tersebut. Namun begitu, terdapat pendekatan dan cara yang berbeza bagi setiap pihak berkuasa untuk melaksanakannya. Tidak dapat dinafikan akan terdapat pelbagai halangan dan isu-isu setempat yang akan membawa kepada kesukaran membuat perubahan serta pembaharuan. Situasi seumpama ini secara langsung akan menjejaskan proses *rebranding* bandar dan akan menyebabkan berlakunya pengekalan kepada imej lama dan tidak beridentiti.

Sehubungan dengan itu, kerajaan negeri dan pihak berkuasa tempatan perlu mengenalpasti perkara-perkara asas dalam proses *rebranding* bandar sebelum menetapkan imej dan identiti baru bandar masing-masing. Dalam konteks ini, pentadbiran negeri Kedah dan MBAS perlu memahami situasi serta keadaan sedia ada serta mempunyai pelan perancangan khusus keatas rekabentuk bandar Alor Setar. Terdapat pelbagai isu yang perlu ditangani untuk memastikan proses *rebranding* dapat dilaksanakan. Antara isu-isu yang perlu diberi perhatian adalah seperti isu ruang, kedudukan bangunan, promosi, nilai elemen senibina dan lain-lain yang berkaitan.

Rebranding bandar Alor Setar dapat dilihat dalam beberapa aspek seperti faktor sejarah, budaya dan tradisi, alam sekitar, sosial dan ekonomi. Aspek-aspek tersebut dipengaruhi oleh pemahaman masyarakat setempat tentang keadaan bandar sedia ada. Sekiranya pemahaman, penglibatan dan kerjasama daripada

penduduk/masyarakat setempat diberikan kepada pihak berkuasa tempatan, diyakini bahawa tidak akan wujud kepincangan dari segi perancangan dan pembangunan kawasan bandar. Justeru itu, setiap perancangan dan pembangunan bandar perlu menggariskan perkara-perkara teras, dasar-dasar, langkah-langkah serta pelan tindakan pelaksanaan untuk memastikan penyelarasan dan pengurusan bandar dapat dilaksanakan dengan teratur.

Namun begitu, wujud persoalan sejauhmana perancangan gunatanah bandar mempengaruhi aspek-aspek *rebranding* bandar seperti faktor sejarah, budaya dan tradisi, alam sekitar, sosial dan ekonomi. Ianya perlu untuk melihat hubungan antara perancangan gunatanah bandar dengan *rebranding* Bandaraya Alor Setar. Setelah hubungan antara kedua-duanya dikenalpasti, kerajaan negeri Kedah dan MBAS perlu mencari tindakan dan langkah penyelesaian melalui strategi pembangunan yang efektif dan realistik bagi mencapai wawasan *Alor Setar Bandaraya Warisan Yang Indah dan Sejahtera*.

1.3 Persoalan Kajian

Wujud beberapa persoalan dalam usaha untuk memberi *rebranding* kepada Bandaraya Alor Setar menerusi kajian ini. Antara persoalan-persoalan yang perlu diberi perhatian bagi kajian ini adalah seperti berikut:

- i. Sejuahmana aspek perancangan gunatanah bandar membantu mempengaruhi *rebranding* Bandaraya Alor Setar?
- ii. Apakah faktor-faktor yang mempengaruhi kekuatan *branding* Bandaraya Alor Setar?
- iii. Adakah imej lanskap, aktiviti pelancongan, aktiviti perniagaan, sistem pengangkutan dan lalulintas turut mempengaruhi *rebranding* Bandaraya Alor Setar?

- iv. Apakah pendekatan serta perancangan kerajaan negeri dan MBAS dalam mengenalpasti kesesuaian strategi proses *rebranding* Bandaraya Alor Setar?

1.4 Objektif Kajian

Objektif kajian yang dijalankan mempunyai perkaitan yang rapat dengan beberapa persoalan yang diketengahkan. Beberapa objektif kajian ini adalah:

- i. Mengkaji faktor-faktor yang mempengaruhi *rebranding* Bandaraya Alor Setar.
- ii. Meneliti hubungan aspek perancangan gunatanah bandar terhadap faktor-faktor *rebranding* Bandaraya Alor Setar.
- iii. Meneliti perkaitan rekabentuk bandar, imej landskap, aktiviti pelancongan, aktiviti perniagaan, sistem pengangkutan dan lalulintas serta pembangunan ilmu dan tamadun masyarakat dengan proses *rebranding* Bandaraya Alor Setar.
- iv. Mencadangkan strategi dan pendekatan penambahbaikan.

1.5 Skop Kajian

Kajian ini dijalankan di kawasan pusat Bandaraya Alor Setar yang meliputi kawasan bersempadankan Sungai Anak Bukit di sebelah barat, Stadium Darulaman di bahagian utara, landasan keretapi di sebelah timur dan Kompleks Hijau Kuning serta Sungai Kedah di bahagian selatan. Kawasan kajian ini dianggarkan meliputi seluas 350 hektar yang termasuk dalam kawasan perkhidmatan Majlis Bandaraya Alor Setar, dan merupakan satu bahagian daripada keluasan keseluruhan Daerah Kota

Setar seluas 666 km persegi. Skop kajian ini bertujuan untuk melihat pendekatan dan tindakan yang mampu untuk mempromosi dan meningkatkan kedudukan Bandaraya Alor Setar sebagai sebuah bandaraya pelancongan yang mencapai:

- i. Suasana bandaraya yang hidup dan aktif.
- ii. Persekitaran bandar yang indah, hijau dan tersusun.
- iii. Ekonomi yang sihat dan berdaya saing.
- iv. Jaringan perhubungan yang luas.
- v. Keadilan serta penyertaan sosial yang sihat.
- vi. Tahap ilmu dan tamadun yang tinggi.

Selain dari itu, ia juga bertujuan untuk melihat perkaitan yang wujud antara keupayaan dan halangan dengan pendekatan dan tindakan sama ada matlamat pembangunan untuk mempromosi serta meningkatkan imej Bandaraya Alor Setar kearah *rebranding* dapat dilaksanakan. Sehubungan dengan itu, isu-isu berkaitan dengan perkara ini akan diklasifikasi dan disusun mengikut beberapa aspek seperti berikut:

- i. Aspek Perancangan Fizikal

Terdapat keperluan untuk mempertingkatkan pembangunan serta pengindahan kawasan persisiran sungai. Secara tidak langsung perlu dikaji semula kepadatan serta saiz kawasan pembangunan selari dengan keperluan untuk menarik penduduk ke pusat bandar.

ii. Aspek Rekabentuk Bandar

Terdapat keperluan dari segi tindakan pengukuhan, menaiktaraf dan penyediaan imej baru bandaraya termasuk pengstrukturkan pusat bandaraya mengikut zon dengan jelas. Di samping itu, wujud juga keperluan untuk mengaktifkan penyertaan di pusat bandaraya melalui penyediaan ruang 'lega' serta *edges* sungai yang jelas. Justeru itu, keperluan untuk merangka pembangunan baru yang berkesinambungan dengan karektor asal sangat diperlukan.

iii. Aspek Pengangkutan dan Lalulintas

Terdapat keperluan mewujudkan budaya berjalan kaki bagi penduduk di Bandaraya Alor Setar dan secara tidak langsung perlu dikaji semula sistem jalan sehala sedia ada. Sehubungan dengan itu, perlu diselaraskan sistem pengangkutan awam di Bandaraya Alor Setar.

iv. Aspek Perniagaan

Berdasarkan pada situasi semasa, didapati perlu disediakan tapak/kawasan khas untuk pasar malam di kawasan pusat bandaraya dan secara tidak langsung perlu diwujudkan sistem perniagaan berpusat di sini.


v. Aspek Lanskap

Terdapat keperluan mewujudkan *green lung* dan *square* disamping ditanam pokok-pokok yang rendah di pusat bandaraya.

vi. Aspek Pelancongan

Terdapat keperluan mempromosikan elemen sungai sebagai tarikan pelancongan di pusat bandaraya. Malah, perlu disediakan ruang informasi yang baik dan memuaskan kepada para pengunjung/pelancong. Selain dari itu, Bandaraya Alor Setar turut perlu memperkenalkan tarikan pelancongan baru yang menarik dan selesa.

Perkaitan beberapa aspek tertentu berhubung dengan isu *rebranding* Alor Setar ini adalah seperti di Rajah 1.1.



Rajah 1.1: Aspek-aspek Berkaitan *Rebranding* Bandaraya Alor Setar

Sumber: Hasil Analisa Penemuan Kajian (2014)

1.6 Kepentingan Kajian

Kajian ini dapat memberi gambaran yang jelas kepada kerajaan negeri Kedah Darul Aman khususnya pihak MBAS mengenai keperluan *rebranding* kepada Bandaraya Alor Setar terutamanya di kawasan pusat bandar. Hasil kajian ini secara langsung dapat membantu pihak kerajaan negeri dan MBAS merangka strategi pembangunan dan membuat perancangan untuk mencapai objektif pembangunan, iaitu

i. Objektif Umum

Ianya adalah untuk meningkatkan imej dan identiti bandaraya dengan mengambilkira ciri-ciri setempat khususnya faktor sejarah, budaya dan tradisi. Di samping itu, perlu dipelihara dan memulihara sumber-sumber warisan sedia ada serta menaiktaraf dan memperbanyakkan tempat-tempat tarikan pelancongan.

ii. Objektif Khusus

Iaitu, mengukuhkan fungsi bandaraya sebagai pusat aktiviti di samping menggalakkan penglibatan masyarakat setempat dalam aktiviti di pusat bandar dengan mewujudkan persekitaran 'lega' serta penonjolan unsur tarikan pelancongan. Selain dari itu, perlu diwujudkan pembangunan ilmu dan tamadun masyarakat secara lebih progresif.

Kajian ini secara langsung akan memberi peluang kepada Majlis Bandaraya Alor Setar untuk mengurus dan memastikan pembangunan sesuatu kawasan di dalam pentadbirannya dapat dilaksanakan berdasarkan landasan yang betul selaras dengan wawasan yang diinginkan.

1.7 Dasar Perancangan Pembangunan Berkaitan Dengan Kajian

Perbincangan mengenai aspek perancangan gunatanah bandar serta *rebranding* Bandaraya Alor Setar akan melibatkan Dasar Perbandaran Negara (DPN). Dasar Perbandaran Negara merupakan teras utama dalam semua aktiviti perancangan dan pembangunan bandar dan termasuk juga rancangan-rancangan pemajuan di peringkat negeri dan tempatan. Perancangan gunatanah bandar merupakan aspek penting bagi pembangunan sesebuah bandar dan beberapa dasar yang sesuai dalam DPN digunakan untuk diterjemahkan ke dalam pelan pelaksanaan *rebranding* Bandaraya Alor Setar ini. Teras-teras DPN yang berkaitan dengan pelan perancangan/ pelaksanaan ini adalah seperti berikut:

- i. Pembangunan perbandaran yang efisien dan mapan.
- ii. Pembangunan ekonomi bandar yang kukuh, dinamik dan berdaya saing.
- iii. Sistem pengangkutan bandar yang bersepadu dan efisien.
- iv. Penyediaan perkhidmatan bandar, infrastruktur dan utiliti yang berkualiti.
- v. Pewujudan persekitaran kehidupan bandar yang sejahtera dan beridentiti.
- vi. Tadbir urus bandar yang efektif.

Daripada enam teras dan tiga puluh dasar yang digariskan dalam DPN, dua belas dasar dikenalpasti sesuai untuk diambil kira dan diterjemahkan di dalam pelan perancangan/pelaksanaan *rebranding* Bandaraya Alor Setar. Dasar-dasar yang dimaksudkan adalah seperti berikut:

- i. Teras 1: Pembangunan Perbandaran Yang Efisien dan Mapan.
 - a. DPN 5: Perancangan guna tanah yang optima dan seimbang perlu diberi penekanan dalam pembangunan bandar.
 - b. DPN 6: Pembangunan bandar perlu memberi keutamaan kepada pembangunan semula di dalam kawasan bandar.
- ii. Teras 2: Pembangunan Ekonomi Bandar Yang Kukuh, Dinamik Dan Berdaya Saing.
 - a. DPN 13: Peluang pekerjaan terutama kepada kumpulan yang berpendapatan rendah dipertingkatkan dan dipelbagaikan tanpa mengira kaum.
 - b. DPN 14: Pembangunan kawasan perbandaran akan mengambil kira identiti Malaysia yang melibatkan pelbagai kaum. Penglibatan golongan bumiputera dan mereka yang berpendapatan rendah dalam sektor ekonomi bandar akan dipertingkatkan. Pada masa yang sama, kepentingan dan peluang serta potensi masa depan kaum lain sedia ada tidak terjejas atau tersekat.
- iii. Teras : Sistem Pengangkutan Bandar yang Bersepadu dan Efisien.
 - a. DPN 15: Sistem pengangkutan awam yang bersepadu, efisien dan mesra pengguna dibangunkan.

- b. DPN 16: Sistem pengurusan lalulintas yang lebih menyeluruh dilaksanakan untuk memastikan pergerakan lalulintas yang lebih cekap dan berkesan.

- iv. Teras 4: Penyediaan Perkhidmatan Bandar, Infrastruktur Dan Utiliti Yang Berkualiti.
 - a. DPN 20: Kualiti perkhidmatan bandar dipertingkatkan untuk mewujudkan persekitaran kehidupan yang selesa dan sejahtera.

- v. Teras 5: Pewujudan Persekitaran Kehidupan Bandar Yang Sejahtera Dan Beridentiti.
 - a. DPN 22: Kemudahan awam yang mencukupi, lengkap serta mesra pengguna disediakan dengan pengurusan dan penyelenggaraan yang berterusan.
 - b. DPN 23: Persekitaran bandar yang selamat perlu diwujudkan.
 - c. DPN 24: Pembentukan imej dan identiti yang bersesuaian dengan fungsi bandar dan budaya nasional yang melambangkan masyarakat pelbagai kaum.
 - d. DPN 25: Kawasan-kawasan dan bangunan-bangunan yang bernilai sejarah, mempunyai budaya dan seni bina untuk dipelihara dan diwartakan.

- vi. Teras 6: Tadbir Urus Bandar yang Efektif.
 - a. DPN 29: Penglibatan masyarakat digalakkan dalam perancangan dan tadbir urus bandar.

Selain dari itu, rangka kerja perancangan dan pembangunan kearah *rebranding* Bandaraya Alor Setar turut berlandaskan kepada Dasar Rancangan Struktur Negeri Kedah 2002-2020. Berikut adalah dasar-dasar utama dan subjek dalam DRSN yang mempunyai perkaitan dengan kajian ini, iaitu:

- i. DU 3: Konurbasi Alor Setar dibangunkan sebagai kawasan pembangunan utama negeri.
- ii. DU 4: Tumpuan pembangunan perbandaran negeri Kedah adalah di kawasan tumpuan pembangunan utama (KTPU).
- iii. DS 3-2: Menggalakkan pembangunan ekonomi yang berpotensi dan meningkatkan aktiviti ekonomi sedia ada di kawasan tumpuan pembangunan utama (KTPU).
- iv. DS 3-3: Perancangan aktiviti ekonomi perbandaran mengguna pakai konsep ‘pemusatan terpilih’.
- v. DS 12-6: Melaksanakan sistem pengurusan lalulintas yang cekap terutamanya di pusat-pusat bandar bagi mengelakkan kesesakan dan kemalangan jalanraya.

1.8 Pendekatan Kajian

Kajian mengenai strategi penjenamaan atau *brand strategy* dilihat melalui proses *semiotics*, iaitu falsafah yang diaplikasikan untuk memahami dan menganalisa situasi sedia ada mengenai masyarakat dan budaya (Barthes, 2000; Eco, 1968; Kim,

2005). Dalam kajian ini *semiotics* akan digunakan secara positif dalam strategi penjenamaan bandaraya sebagai satu metod atau cara.

Selain dari itu, kualiti yang terdapat pada fizikal objek atau sesebuah bangunan mampu memberi gambaran yang kuat kepada setiap pemerhati di mana struktur sesebuah bandar dapat dilihat melalui imej yang dipancarkan oleh bangunan-bangunan dan aktiviti yang dijalankan di situ. Kaedah melalui mengenalpasti elemen-elemen utama yang membentuk sesebuah bandar iaitu *path*, *edges*, *nodes*, *district* dan *landmark* merupakan metod penting dalam proses penjenamaan semula bandar. Elemen-elemen ini membentuk struktur dan suasana sekeliling bandar (Kevin Lynch, 1960). Malah, jika berdasarkan kepada strategi *branding* oleh Kavaratzis & Ashworth (2006), komponen-komponen penting yang terlibat adalah identiti jenama dan imej jenama.

1.9 Rumusan Bab

Kajian yang dilaksanakan akan meneliti hubungan *rebranding* bandar dengan imej serta identiti bandar terutamanya dalam konteks pelancongan. Hasil kajian ini diharap dapat membantu pihak kerajaan Negeri Kedah dan Majlis Bandaraya Alor Setar dalam merangka strategi perancangan serta pembangunan bandar yang bersesuaian untuk mengatasi isu-isu berkaitan dengan gunatanah bandar ke arah mencapai wawasan “Alor Setar Bandaraya Warisan Yang Indah Dan Sejahtera”.

BAB 2

REBRANDING BANDAR DALAM KONTEKS PELANCONGAN

2.1 Pendahuluan

Kajian serta penganalisaan ke atas pengalaman beberapa buah bandaraya di dalam dan luar negara yang melibatkan perancangan pembangunan gunatanah bandar berkaitan dengan *rebranding* bandar dalam aspek pelancongan akan dibincangkan dalam bab ini. Salah satu elemen penting dalam *branding* sesebuah bandaraya akan berkait dengan penonjolan serta penampilan imejnya. Apa yang dimiliki oleh sesebuah bandaraya itu termasuklah karektor fizikalnya adalah sangat penting kerana ianya sering dikait dan diterjemah melalui kedudukan lokasinya, fungsinya ataupun pencapaian budayanya. Sebagai contoh, bandaraya-bandaraya Rotterdam, Amsterdam, Barcelona dan San Francisco umpamanya dikenali disebabkan oleh pelabuhannya. Zurich dan New York umpamanya dikenali sebagai pusat perbankan. Manakala Boston, Charleston dan Atlanta merupakan bandaraya yang dipenuhi dengan rekabentuk dan sejarah Amerika. Sebab itulah didapati *branding* sesebuah bandaraya sering dikaitkan dengan budaya dan pelancongan.

2.2 *Branding* Bandar Dan Pelancongan

Konsep pelancongan-budaya amat kompleks memandangkan setiap perkara buatan manusia atau *man-made subjects* boleh dianggap sebagai aspek pelancongan-budaya (McKercher & Cross, 2002). Ini jelas sepertimana dinyatakan oleh McKercher dan Cros (2002) yang mendefinisikan pelancongan-budaya sebagai penglibatan dalam setiap aktiviti atau pengalaman yang tiada batasannya. Ianya berkaitan dengan apabila seseorang membuat lawatan ke sesuatu tempat yang menjadi daya tarikan, maka orang berkenaan merupakan seorang pelancong-budaya. Secara langsung

aktiviti yang dilakukan tersebut merupakan aktiviti pelancongan-budaya. Malah beliau menjelaskan bahawa, pelancongan-budaya dicirikan oleh ‘suatu set item-item’ yang diklasifikasikan sebagai budaya yang ditawarkan oleh sesebuah destinasi tertentu. Sehubungan dengan itu, sesebuah bandaraya perlu menggabungkan pelbagai elemen untuk memastikan *branding* yang baik diperolehi. Terdapat pelbagai peranan serta faktor yang dapat membantu sesebuah bandaraya dalam merealisasikan perkara ini.

Dalam usaha ini, sistem tadbir urus perbandaran yang baik dan berkesan mampu membawa pertumbuhan dan pembangunan positif sesebuah bandar. Dengan memelihara setiap nilai aset, sosial, ekonomi serta persekitarannya, secara tidak langsung ianya akan memberi nilai tambah ke arah mewujudkan bandar yang lebih mampan. Tadbir urus atau governan yang mantap dan cekap di peringkat negeri dan pihak berkuasa tempatan merupakan asas kepada untuk mewujudkan suasana yang baik untuk kesejahteraan warga bandar.

Melalui proses temubual yang dijalankan mengenai *rebranding* Bandaraya Alor Setar, Datuk Bandar Majlis Bandaraya Alor Setar menjelaskan bahawa imej sesebuah bandar secara langsung akan menggambarkan penataan fizikalnya yang mempamerkan ketamadunan, kebudayaan, perkhidmatan serta kemajuan masyarakatnya. Pentadbiran MBAS menyedari bahawa Bandaraya Alor Setar masih tidak mempunyai identiti yang jelas dan kurang memberi penekanan terhadap elemen senibina fizikal di samping pembentukan tema yang sesuai. Pentadbiran MBAS akan terus berusaha mempertingkatkan lagi komitmen berhubung dengan perkara ini. Dengan beberapa penganugerahan yang diterima oleh MBAS di peringkat antarabangsa seperti *Best Municipality Awards* dan *Best Manager Municipality Awards (Manager of The Year)* pada Jun 2013 daripada Europe Business Assembly, Oxford, England secara tidak langsung menjadi pemangkin kepada pentadbiran MBAS membuat *rebranding* dalam beberapa aspek terutamanya pelancongan dan perniagaan.

Datuk Bandar MBAS yakin dengan penganugerahan *European Awards For Best Practices* oleh European Society For Quality Research, Switzerland dan *Best*

Cities Awards daripada Europe Business Assembly, Oxford, England yang akan disampaikan pada Jun 2014 akan menjadi pemangkin kepada pentadbiran MBAS untuk memperbaiki imej serta mempamerkan *branding* baru Alor Setar.

Datuk Bandar MBAS turut menekankan akan kekuatan Alor Setar berkaitan dengan faktor sejarah, warisan dan juga budaya yang mampu menarik pelancong ke bandaraya ini. Ibrahim Ismail (1987) menjelaskan bahawa sesuatu sejarah akan sentiasa merujuk kepada kesan serta hasil peninggalan sejarah (antaranya seperti binaan bangunan, kawasan warisan dan seumpamanya).

Bandaraya Alor Setar mempunyai banyak perkaitan sejarah dengan pemerintahan Sultan Muhammad Jiwa Zainal Azilin. Baginda mengekalkan takhtanya setelah berlaku peperangan merebut takhta kerajaan Kedah diantara tahun 1724-1726. Setelah itu, baginda mendirikan sebuah kota daripada batu berhadapan dengan istana baginda yang baru di Kota Setar pada tahun 1726. Di dalamnya dibangunkan istana, taman bunga, kolam dan rumah kediaman menteri-menteri serta para pegawai. Di luar kota dibina sebuah masjid, jambatan dan kota pertahanan. Baginda turut membina Balai Besar atau Balairong Seri atau dinamakan juga sebagai Balai Penghadapan lengkap dengan sebuah astaka dan singgahsana Sultan. Baginda Sultan Muhammad Jiwa Zainal Azilin yang sebelum ini bersemayam di Istana Bukit Pinang telah berangkat berpindah ke istana baru di Kota Setar dan pada 15 Disember 1735, terciptalah sejarah kelahiran Bandar Diraja Kota Setar.

Datuk Bandar MBAS secara ringkas turut menjelaskan sejarah beberapa buah bangunan warisan yang banyak mempamerkan imej Alor Setar sebagai bandaraya bertamadun. Masjid Zahir umpamanya, merupakan mercu tanda utama Alor Setar. Ia dibina pada tahun 1912 semasa pemerintahan Sultan Abdul Hamid (1882-1943) yang mana reka bentuk dan seni binanya bersamaan dengan Masjid Azizi di Langkat, Sumatera. Bangunan Balai Seni yang terletak berhampiran dengan Balai Besar pula mengandungi pelbagai hasil seni daripada karya anak-anak tempatan Kedah dan juga luar. Bangunan ini pernah digunakan sebagai Mahkamah Tinggi (pada tahun 1921), Jabatan Audit, Perbendaharaan Negeri dan juga sebagai

Pejabat Penasihat British (pada tahun 1923). Bangunan ini diguna sebagai Balai Seni mulai tahun 1983.

Selain dari itu, Balai Besar pula merupakan bangunan yang dibina ketika pemerintahan Sultan Muhamad Jiwa susulan daripada lawatan baginda ke Palembang, Sumatera dan Kepulauan Malay Archipelago. Bangunan ini mengalami kerosakan ketika serangan Siam pada tahun 1770 dan pembaikan semula telah dilakukan tanpa mengubah ciri-ciri asalnya. Manakala balai Nobat pula yang terletak berhampiran dengan Balai Besar dibina pada tahun 1860 yang merupakan bangunan yang menyimpan peralatan Nobat DiRaja. Bangunan yang terletak bersebelahan dengan Balai Nobat pula merupakan bangunan bekas Mahkamah Tinggi Negeri yang sekarang ini dijadikan sebagai Galeria Sultan Abdul Halim. Ia dibina pada tahun 1922 ketika pemerintahan Sultan Abdul Hamid.

Juga terdapat sebuah bangunan bersejarah iaitu Istana Kuning di mana ianya merupakan tempat kelahiran Perdana Menteri Malaysia yang pertama iaitu Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj pada tahun 1903. Kini, ianya telah dijadikan Pejabat Kesatuan Kerabat DiRaja Kedah (PKDK). Manakala Istana Sepachendera pula merupakan istana lama yang terletak di jalan Kampong Baru (yang sering juga disebut sebagai Istana Kampong Baru) turut mempunyai sejarahnya tersendiri di mana ianya dibina oleh Sultan Abdul Hamid pada tahun 1882 selepas baginda menaiki takhta dan dibina khas untuk isteri pertamanya iaitu Che Sepachendera. Reka bentuknya menyerupai Istana Siam dan ianya pernah dijadikan sebagai Sekolah Inggeris (iaitu Sekolah Perempuan Kampong Baru) pada tahun 1922, Sekolah Rendah Tunku Abdul Halim dan juga cawangan Jabatan Pendidikan Negeri Kedah. Menurutnya lagi, kesemua elemen sejarah ini perlu diintegrasikan dengan elemen-elemen lain untuk dijadikan sebagai produk pelancongan yang menarik khususnya aktiviti yang berkaitan dengan *heritage trail*.

Pihak berkuasa tempatan Majlis Bandaraya Charlottetown di Canada yang merayakan ulangtahun kewujudannya selama 150 tahun (1864-2014) umpamanya, sering berusaha mempelbagaikan perancangan serta bentuk pembangunan untuk memantapkan lagi corak kehidupan mereka melalui slogan *Great Things Happen*

Here. Pentadbiran bandaraya tersebut secara berterusan cuba mengekalkan imej dan *branding* bandaraya tersebut sebagai sebuah bandaraya yang mempunyai nilai sejarahnya tersendiri. *Heritage Grant Program* merupakan salah satu program yang dilaksanakan secara berterusan untuk memastikan warisan bangunan-bangunan bersejarah dipelihara dan dibaik pulih bagi mengekalkan imej serta *brand* bandaraya tersebut. Mayor Bandaraya Charlottetown menegaskan bahawa bangunan-bangunan bersejarah perlu dipelihara dan dipulihara kerana ia merupakan salah satu bukti kukuh kepada sesuatu zaman atau peristiwa yang telah berlaku (Mayor's Annual Report 2013 : Charlottetown).

Dalam aspek perniagaan-pelancongan, salah satu contoh adalah sepertimana perancangan dan pelaksanaan *Kuantan Waterfront Resort City* (KWRC). Projek ini bercirikan bandar resort pinggir air dengan pembinaannya melalui tebus guna tanah seluas 202 hektar dalam lima fasa yang akan memakan masa 10 hingga 15 tahun. Ianya akan dilengkapi dengan pelbagai kemudahan dan tarikan pelancongan merangkumi hotel, kawasan kediaman, pusat komersial dan perniagaan di samping perubatan serta kesihatan. Antara kemudahan dan tarikan utama adalah pengwujudan taman tema air, aquaria, pusat membeli-belah, kedai bebas cukai, terminal kapak layar, restoran terapung dan pusat konvensyen. Perancangan pembangunan ini bakal mengubah wajah bandar Kuantan di samping menyerlahkan lagi penampilan baru lanskap keseluruhan bandar yang secara langsung memberi *branding* baru Kuantan sebagai ikon pelancongan. Ianya selari dengan pendapat McIntoch (1995) yang melihat dan mengelompokkan pelancongan-budaya kepada sembilan kategori, iaitu aktiviti-aktiviti yang menyenangkan, membeli-belah, hiburan (seperti persembahan muzik, tarian, drama, kesusasteraan, puisi, pameran, pertunjukkan, perayaan), rekreasi, sambutan perayaan yang istimewa, muzium dan galeri kesenian, sukan, taman tema dan makanan-minuman. Secara tidak langsung pembangunan ini akan menyediakan pengalaman serta destinasi gaya hidup yang menarik di bandar Kuantan selari dengan visi dan misi menjadi 'Pusat Pertumbuhan Utama Wilayah Timur Yang Makmur' sepertimana yang digariskan dalam Pelan Strategik Majlis Perbandaran Kuantan 2009-2014.

Sepertimana yang jelaskan oleh Velene L. Smith (1979), iaitu antara tokoh yang mendefinisikan konsep pelancongan, pelancongan dibahagikan kepada lima kategori atau jenis, iaitu pelancongan-etnik, pelancongan-budaya, pelancongan-sejarah, pelancongan-alam sekitar dan pelancongan-rekreasi. Menurutnya lagi, pelancongan-budaya lebih merujuk kepada kegiatan pelancongan yang menjadikan unsur-unsur budaya sebagai daya tarikan utama termasuk persembahan, cara hidup, budaya-tani, makan dan minum, warisan budaya, seni bina, barangan perusahaan dan kraftangan, ciri-ciri melayan tetamu dan segala unsur yang mencirikan cara hidup masyarakat di sesebuah destinasi itu.

Atas kesedaran keperluan membuat *rebranding*, Pelan Induk 'Kuala Terengganu City Center' (KTCC) telah disediakan oleh Majlis Pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur (MPWEPT) untuk membangunkan Kuala Terengganu sebagai Bandaraya Warisan Pesisir Air. Penyediaan pelan induk ini bertujuan untuk menaikkan taraf serta membuat *rebranding* Kuala Terengganu sebagai pusat pelancongan yang dinamik di kawasan pantai timur Malaysia berdasarkan daya tarikannya yang pelbagai serta warisan kebudayaannya terutama dalam pelancongan kawasan pantai dan pulau, pelancongan kawasan pedalaman, pelancongan kebudayaan dan warisan dan juga pelancongan berasaskan kraftangan. Pelan Struktur Kuala Terengganu (2005-2020) dan Rancangan Tempatan Kuala Terengganu (2009-2020) telah memasukkan pembangunan ini dalam perancangan masing-masing di mana guna tanah cadangan bagi muara utara dan muara selatan adalah untuk pembangunan bercampur yang terdiri daripada penempatan, hotel, komersil serta lain-lain perkhidmatan. Pembangunan ini dapat membantu mempelbagaikan ekonomi bandaraya Kuala Terengganu dan menarik lebih banyak pelaburan dalam pelancongan pantai, budaya, warisan dan perkhidmatan. Dengan adanya kepelbagaian aktiviti ekonomi, bandaraya Kuala Terengganu akan menjadi lebih *vibrant* di samping mengekalkan *branding* warisan budaya dan tradisinya.

Berkaitan dengan pelancongan-budaya ini juga, salah satu bandar yang mempunyai *branding* yang agak unik adalah Camden Town, iaitu bandar membeli-belah berdekatan London yang mempunyai kelainan dari segi budaya, fesyen dan juga rekabentuk kedai. Kepelbagaian fesyen pakaian dikalangan remaja, gaya *skin*

head, gothic, punk dan seumpamanya telah menghiasi penampilan golongan muda dan remaja di bandar tersebut. Malah, terdapat bermacam-macam aktiviti di kalangan remaja di sini seperti bermain muzik, menyanyi dan seni graffiti. Camden Town turut menggamit kedatangan pelancong mengunjunginya dengan kepelbagaian rekabentuk kedai-kedai yang menarik seperti menjual pakaian, makan/minum, kasut dan juga barangan kulit. Secara realitinya, imej serta *branding* bandar ini lebih kepada memaparkan kepelbagaian aktiviti menarik masyarakat kebiasaan di kota London.

Selain daripada itu, salah satu contoh proses *rebranding* yang sangat berjaya adalah apa yang dilakukan oleh pihak berkuasa Bandaraya Kitakyushu. Lebih daripada tiga puluh tahun Bandaraya Kitakyushu telah bertungkus-lumus untuk menghakiskan imejnya dari *rust belt steel town* yang mana ketika itu bandaraya ini merupakan kawasan perindustrian. Sekarang ini, Kitakyushu telah membuat *rebranding* dan menampilkan dirinya sebagai *Eco-Model City* yang mana bandaraya ini kini telah menjadi pusat teknologi alam sekitar dan langkah-langkah perlindungan sehingga di gelar *Environmental Capital of the World* dan juga *Technology Capital of Asia*. Model 'kota hijau' negara Jepun ini telah menjadi sebuah bandaraya utama yang mapan di dunia serta turut menjadi tumpuan pelancongan alam sekitar sekarang ini. Aspek meningkatkan kualiti lanskap telah menjadi keutamaan dalam proses *rebranding green city* ini.

Begitu juga dengan keadaan di mana strategi-strategi *urban branding* telah digunakan secara meluas di negara-negara Arab dengan pelbagai interpretasi, bentuk dan pendekatan yang berbeza sehingga wujudnya bandaraya-bandaraya Teluk yang mempunyai imej yang pelbagai dalam perancangan pembangunan fizikal masing-masing (Mona Helmy, 2008). Jeddah umpamanya, dikenali sebagai bandaraya seni di mana terdapat banyak ukiran dan monumen di bandaraya ini. Dubai pula daripada kawasan perkampungan nelayan yang menjalankan aktiviti menangkap ikan dan mencari mutiara satu ketika dulu telah berubah menjadi bandaraya bertaraf dunia. Malah, Bandaraya Doha telah muncul dengan *branding* bandaraya perniagaan dan industri pelancongan.

Malah, Pentadbiran Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ) menggariskan beberapa aspek yang perlu wujud dalam rekabentuk bandar, iaitu rekabentuk berkaitan dengan bandar selamat, bangunan khusus perniagaan, bangunan khusus institusi, bangunan khusus kawasan pemeliharaan/warisan serta perumahan selamat (Draf Rancangan Tempatan Majlis Perbandaran Ampang Jaya 2020) yang mana ianya merupakan garis panduan perancangan bagi membentuk imej dan *branding* bandar sejahtera yang merangkumi proses perancangan pembangunan mampan secara holistik melalui pengintegrasian sistem sosial yang inklusif, ekonomi yang produktif dan persekitaran bandar hijau.

2.3 Rumusan Bab

Didapati terdapat hubungan yang rapat antara proses *rebranding* dengan ciri-ciri setempat dan juga faktor gunatanah bandar. Sehubungan dengan itu, pihak berkuasa negeri dan tempatan perlu membuat perancangan pembangunan yang efektif kearah *rebranding* imej sesebuah bandar itu mengikut pelan struktur dan pelan tempatan masing-masing.

BAB 3

METODOLOGI KAJIAN

3.1 Pendahuluan

Dalam sesuatu proses kajian atau penyelidikan, metod kajian merupakan salah satu aspek penting yang perlu diberi perhatian. Melalui komponen ini, seseorang penyelidik dapat mengetahui kaedah atau proses penemuan maklumat yang sesuai dan relevan digunakan dalam kajian ini. Bahagian ini akan membicarakan mengenai ciri-ciri setempat Bandaraya Alor Setar serta kaedah atau proses pengumpulan maklumat yang diperlukan.

3.2 Ciri-ciri Setempat

Ciri-ciri setempat ini meliputi faktor-faktor sejarah, budaya dan tradisi, alam sekitar, sosial dan ekonomi yang merupakan imej dan identiti Bandaraya Alor Setar. Karektor dan elemen gunatanah perlu dikaji agar satu rangka pembangunan dapat dihala ke arah meningkatkan pemahaman masyarakat setempat/tempatan serta pelancong mengenai imej serta identiti Bandaraya Alor Setar. Kualiti yang terdapat pada sesuatu fizikal objek atau sesebuah bangunan mampu memberikan gambaran yang kuat di mata pemerhati dari segi imej bandar (Kevin Lynch, 1960).

3.3 Rekabentuk dan Skop Kajian

Rekabentuk kajian merupakan alat perancangan penyelidikan yang digunakan untuk merangka strategi bagi mencari sesuatu terutamanya data-data serta maklumat-maklumat berkaitan yang dikehendaki melalui kajian yang dijalankan (Babbie, 1999). Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif di mana proses penemuan

maklumat dibuat melalui kajian secara kajian lapangan/ *case study* serta pengumpulan bahan-bahan sekunder. Kajian ini akan memberi tumpuan kepada beberapa peringkat seperti yang dibincangkan di bahagian berikut.

3.3.1 Peningkatan Imej Bandaraya

Setelah sepuluh (10) tahun Alor Setar dinaiktaraf sebagai bandaraya, namun begitu imejnya masih belum seiring dengan statusnya. Sebagai salah sebuah bandar tertua di negara ini, peningkatan rupabentuk di pusat bandar adalah penting dan perlu ditonjolkan. Sehubungan dengan itu, perlu disediakan pelan tindakan dengan diberi penekanan kepada aset-aset setempat sedia ada seperti bangunan warisan, lanskap, elemen sungai serta aktiviti-aktiviti yang bersesuaian melalui strategi-strategi berikut:

i. Strategi Pembangunan Fizikal

Memastikan pembangunan gunatanah yang teratur dengan meletakkan hala tuju yang jelas dari aspek perancangan pembangunan di kawasan pusat bandar serta kawasan sekitarnya. Malah, perlu dikenal pasti kawasan yang mempunyai halangan atau masalah yang perlu ditangani secara khusus. Keserasian dan hubung kait gunatanah untuk merancang langkah-langkah memperkemaskan fungsi serta peranan sedia ada perlu juga dilihat. Selain dari itu penelitian pembangunan *brownfield* dan *infill* perlu juga diambil kira. Justeru itu, kajian potensi serta *trend* pembangunan perlu juga dilakukan dengan turut membuat penilaian kawasan sejarah dan warisan sedia ada. Akhirnya akan dicadangkan pelan pembangunan gunatanah serta program pelaksanaan yang bersesuaian.

ii. Strategi Rekabentuk Bandar.

Perlu diberi pengukuhan identiti dan imej bandar yang jelas dengan memberi penekanan kepada ciri-ciri lokal/setempat seperti aspek sejarah, budaya dan tradisi, alam sekitar, sosial dan ekonomi. Selain dari itu, perlu membuat penilaian mengenai keadaan, penggunaan asal serta karektor bangunan-bangunan sedia ada dan juga mengenalpasti identiti dan imej yang sesuai untuk ditonjolkan. Malah, perlu juga dipertingkatkan kefahaman masyarakat/komuniti setempat termasuk para pelancong mengenai identiti serta imej Bandaraya Alor Setar, struktur dan karektor bandaraya serta apa yang berlaku di sekitarnya. Justeru itu perlu dipastikan penjanaaan penyertaan penduduk di pusat bandar secara lebih aktif dan berkesan.

3.3.2 Pengukuhan Fungsi Bandaraya Sebagai Pusat Aktiviti

Pengukuhan fungsi adalah perlu dengan melengkapkan infrastruktur dan prasarana yang bersesuaian agar mampu menganjurkan program-program samada peringkat negeri, kebangsaan mahupun antarabangsa. Disamping itu, adalah perlu meningkatkan daya saing ekonomi yang positif untuk menjana peluang-peluang pekerjaan, pertumbuhan perniagaan dan juga mengembangkan pasaran yang lebih luas. Kelancaran aktiviti di pusat bandar turut bergantung kepada penyediaan infrastruktur dan utiliti yang berkesan. Strategi-strategi tertentu perlu dirangka, antaranya seperti:

i. Strategi Perniagaan.

Memberi penekanan kepada sektor perniagaan *formal* dan *informal* kerana ianya berkait rapat dengan perancangan lain-lain sektor di samping mengenalpasti kawasan pertumbuhan baru.

- ii. Strategi Pengangkutan dan Lalulintas.
- Ianya merupakan aspek utama dalam memastikan kelancaran aktiviti di pusat bandar. Kelancaran aliran keluar-masuk merupakan penyumbang kepada tarikan penyertaan luar terhadap aktiviti-aktiviti tersebut. Antara aspek yang perlu dilihat adalah dari segi:
- a. Masalah pertambahan kenderaan.
 - b. Masalah rekabentuk jalan sedia ada yang berdasarkan susun atur *grid iron* tidak mampu lagi mengatasi kesesakan lalulintas.
 - c. Keperluan penyediaan pelan pengurusan lalulintas yang berkesan dengan dikaji semula sistem lalulintas semasa.
 - d. Mengkaji masalah tempat letak kenderaan dalam pusat bandar.
 - e. Mengenalpasti laluan serta *mode* pengangkutan utama di pusat bandar.
 - f. Meneliti setiap cadangan berkaitan pengurusan lalulintas dalam Rancangan Tempatan Daerah Kota Setar 2002-2015.
 - g. Mengkaji sama ada perlu atau tidak terminal atau stesen bas di pusat bandar.
 - h. Mengkaji keupayaan sistem jalan serta *round-about* di beberapa kawasan dan persimpangan jalan.
 - i. Membuat penelitian berkaitan kaedah mengawal pergerakan kenderaan di pusat bandar (contoh seperti *traffic calming program*).

3.3.3 Penggalakkan Penglibatan Komuniti Setempat Dalam Aktiviti Pusat Bandar Dan Pewujudan Persekitaran ‘Lega’ Serta Penonjolan Unsur Tarikan Pelancong

Matlamat utama pembangunan persekitaran pusat bandar adalah untuk memastikan keperluan kehidupan komuniti/masyarakat setempat dipenuhi. Sehubungan dengan itu, keberkesanan persekitaran ini mampu menjadi daya tarikan utama pelancong. Disamping itu, perlu juga diberi penekanan terhadap penyediaan ruang dan suasana ‘lega’ seperti tempat-tempat awam yang nyaman dan selesa bagi orang ramai mempelbagaikan aktiviti secara aktif dan pelbagai. Beberapa strategi yang perlu diberi perhatian adalah seperti:

i. Strategi Lanskap

Keadaan semasa lanskap Bandaraya Alor Setar memerlukan suatu transformasi kerana terdapat beberapa isu kegagalan penggunaan ruang luaran untuk aktiviti lanskap yang perlu diatasi. Aspek-aspek yang perlu diberi perhatian adalah:

- a. Mengkaji tahap penyediaan lanskap semasa.
- b. Mengenalpasti tempat/kawasan khusus yang memerlukan pengindahan lanskap.
- c. Menilai jenis lanskap untuk mewujudkan imej bandaraya yang bersesuaian.
- d. Mengkaji kesesuaian jenis lanskap untuk fungsi-fungsi tertentu.
- e. Membuat pengkelasan serta mengenalpasti beberapa bahagian Sungai Anak Bukit dan Sungai Raja yang boleh dijadikan kawasan pembangunan utama.

- f. Membuat penganalisan potensi dan juga masalah ke atas Sungai Raja dan Sungai Anak Bukit.
- g. Mengkaji keberkesanan serta merangka inventori semakan yang bersesuaian bagi aktiviti dan kemudahan untuk sungai-sungai di pusat Bandar.

ii. Strategi Pelancongan

Sektor pelancongan mempunyai hubung kait yang rapat dengan lain-lain sektor dan beberapa strategi perlu digariskan untuk meningkatkan sektor pelancongan di Bandaraya Alor Setar, iaitu:

- a. Mengkaji ke arah memperbaiki kualiti kegiatan/aktiviti setempat yang banyak dengan nilai tradisi serta keunikan budaya seperti Pekan Rabu.
- b. Mengkaji ke arah memeriah dan melengkapkan kegiatan komuniti/masyarakat tempatan dengan pembangunan menyeluruh.
- c. Mengkaji dan memberi penekanan kepada isu bangunan warisan dari aspek pemeliharaan dan pemuliharaan.
- d. Membuat penilaian terhadap keadaan, guna asal dan karektor bangunan warisan untuk potensi kesesuaian dari segi penambahbaikan dan guna semula.
- e. Mengkaji dan mempertingkatkan perkhidmatan serta penyediaan kemudahan sokongan sektor pelancongan sedia ada di pusat bandar.

3.3.4 Peringkat Pembangunan Ilmu dan Tamadun Masyarakat Secara Progresif

Pembangunan ilmu dan tamadun masyarakat secara progresif merupakan asas kepada kejayaan bagi sebarang bentuk pembangunan. Sehubungan dengan itu, perlu

- i. Mengkaji keperluan mewujudkan ‘universiti dalam bandar’.
- ii. Membuat bancian lokasi institusi-institusi ilmu sedia ada di sekitar Alor Setar serta mengkaji corak taburannya.
- iii. Mengenalpasti bangunan atau kawasan *infill* dan *brownfield* serta kesesuaiannya untuk pengisian semula dengan komponen-komponen universiti.
- iv. Mengkaji kesesuaian kemasukan universiti ke pusat bandar dari aspek gunatanah serta impak pengangkutan dan lalulintas.
- v. Mengkaji dari segi peluang dan strategi perniagaan bagi menampung keperluan komuniti universiti
- vi. Mengkaji ruang untuk penambahan ruang hijau dalam bandar dengan kewujudan universiti.
- vii. Mengkaji peluang serta strategi pelancongan kesan daripada kemasukan universiti ke dalam pusat bandar.

3.4 Kaedah Pengumpulan Data dan Maklumat

Proses pengumpulan data dan maklumat yang dilaksanakan adalah melalui data dan maklumat primer serta data dan maklumat sekunder. Data dan maklumat primer diperolehi melalui kaedah *case study*/kajian lapangan seperti temubual, pemerhatian

dan penilaian. Data dan maklumat sekunder pula diperolehi daripada pihak pentadbiran Majlis Bandaraya Alor Setar, agensi/jabatan, orang perseorangan, laporan, buku-buku yang berkaitan termasuk beberapa bahan bacaan yang relevan. Pendekatan dan tatacara dalam pengumpulan data dan maklumat sangat penting bagi mendapatkan data dan maklumat yang dikehendaki berdasarkan tujuan dan objektif kajian.

3.4.1 Data dan Maklumat Primer

Dalam usaha memperolehi data dan maklumat primer, kajian ini menggunakan pendekatan pengumpulan data dan maklumat melalui kaedah *case study*/kajian lapangan seperti temubual, pemerhatian dan penilaian. Adalah penting untuk mendapat pandangan secara *first-hand view*, iaitu bancian serta pandangan penduduk/pengguna (tempatan/luar) untuk mendapat reaksi serta tanggapan mereka. Terdapat tiga (3) bahagian kajian yang diberi penekanan, iaitu:

- i. Kajian imej bandar/*image ability*

Ianya berkaitan dengan kualiti yang terdapat pada fizikal objek atau bangunan yang mampu memberikan gambaran kuat kepada mereka yang memerhatikannya. Malah, struktur sesebuah bandar dapat dilihat melalui imej yang dipancarkan oleh bangunan-bangunan serta aktiviti yang dijalankan di situ. Kajian dibuat dengan mengenalpasti beberapa elemen utama yang membentuk sesebuah bandar iaitu *path, edges, district, nodes* dan *landmark* (Kevin Lynch, 1960). Elemen-elemen ini membentuk struktur bandar serta suasana sekeliling bandar dan pusat Bandaraya Alor Setar.

ii. Kajian karektor jalan dan *nodes*

Menjalankan kajian ke atas beberapa jalan yang dikenalpasti sebagai jalan-jalan utama yang sentiasa mempunyai aktiviti dan digunakan. Jalan-jalan ini mempengaruhi bentuk dan peredaran aktiviti di beberapa kawasan penting. Antara jalan-jalan utama di dalam pusat bandaraya ini adalah Jalan Tunku Ibrahim dan Jalan Langgar. Jalan-jalan ini juga sentiasa dipenuhi dengan pengunjung termasuk dengan pelbagai jenis kenderaan. Keadaan menjadi menjadi agak tidak terkawal apabila terdapat pengguna-pengguna jalanraya meletak atau memberhentikan kenderaan di tepi-tepi jalan hingga menyebabkan jalan-jalan ini menjadi sempit. Secara tidak langsung ia memberi imej dan impak yang buruk kepada karektor jalan-jalan tersebut. Kajian mengenai pertemuan atau persimpangan jalan-jalan di pusat bandar perlu juga dibuat untuk mengenalpasti keadaan sebenar suasana di dalam pusat bandaraya. Peranan serta aktiviti yang berlaku di setiap *nodes* juga perlu diberi perhatian kerana didapati setiap persimpangan tersebut akan menuju ke jalan-jalan yang mempunyai jenis-jenis bangunan tertentu seperti bangunan pejabat, lot rumah kedai, bangunan komersial dan lain-lain lagi. Antara masalah utama adalah kewujudan penghadang jalan sementara yang menyebabkan berlaku kekeliruan kepada pengguna.

iii. Kajian karektor bangunan

Kajian dilaksanakan untuk mengenalpasti dan mengklasifikasi bangunan serta struktur senibina di dalam pusat Bandaraya Alor Setar.

3.4.2 Data dan Maklumat Sekunder

Selain dari itu, data dan maklumat yang digunakan turut diperolehi daripada data-data pelan strategik Majlis Bandaraya Alor Setar, Rancangan Tempatan Alor Setar, Rancangan Struktur Negeri Kedah, orang perseorangan, buku, artikel jurnal serta daripada beberapa laporan yang berkaitan.

3.5 Tatacara Analisis Maklumat

Penganalisan dilaksanakan melalui pendekatan-pendekatan berikut,

- i. Matriks kesesuaian sektoral.
- ii. Analisis Gap.
- iii. Analisis S.W.O.T.

Taburan gunatanah semasa akan dilihat terlebih dahulu berdasarkan kepada kawasan liputan yang telah ditetapkan manakala analisis Gap digunakan untuk membandingkan *actual performance* dengan *potential performance* di mana sesuatu keadaan boleh diperbaiki. Kesesuaian keadaan dan situasi sebenar akan dicari bagi membentuk sesuatu keadaan yang diperlukan melalui,

- i. Penganalisan terhadap proses *on-site*.
- ii. Menganalisa keefektifan strategi.
- iii. Mengenalpasti penyebab permasalahan.

Malah, analisis S.W.O.T. digunakan untuk melihat keadaan persekitaran kawasan kajian dalam proses mencari penambahbaikan bagi membolehkan sesuatu perancangan itu di rancang dan disusun dengan tepat. Melalui analisis ini, kekuatan, kelemahan, peluang dan ancaman yang ada pada Bandaraya Alor Setar dapat dikaji dan dinilai. Ianya akan turut melibatkan pembuatan perbandingan dengan lain-lain bandaraya sama ada di dalam ataupun luar negara.

3.6 Rumusan Bab

Adalah menjadi harapan melalui cara pengumpulan data serta pendekatan pengumpulan maklumat yang dijalankan untuk tujuan memperolehi data dan maklumat berkaitan kajian ini mampu membantu pengkaji mencapai matlamat dan objektif kajian. Ianya sangat penting untuk memastikan agar dapatan kajian yang dijalankan ini dapat menjawab setiap persoalan kajian dan seterusnya memberi cadangan terbaik untuk mewujudkan imej khusus dan identiti Bandaraya Alor Setar sebagai pusat wilayah negeri dari aspek perancangan pembangunan bandar dengan *rebranding* bandar.

BAB 4

ANALISIS DAPATAN KAJIAN

4.1 Pendahuluan

Dapatan kajian dalam setiap laporan kajian merupakan bahagian di mana data-data serta maklumat-maklumat yang diperolehi akan dipersembahkan dalam bentuk yang mudah difahami. Malah, setiap hasil dapatan kajian memperjelaskan sesuatu data/maklumat diambil untuk menyokong kenyataan mengenai objektif kajian yang dilakukan (Sabitha Marican, 2005).

4.2 Hasil Kajian

Dapatan data/maklumat berdasarkan kepada gunatanah semasa kawasan kajian di pusat Bandaraya Alor Setar dibahagi dengan pecahan seperti berikut,

- i. Kawasan kediaman yang merupakan kawasan terbesar dan terletak di utara pusat bandar dengan antara komponen utamanya adalah petempatan di Taman Tunku Habsah, Kampong Pisang, Kampong Titi Siam dan kuarter kerajaan.
- ii. Kawasan aktiviti perniagaan yang tertumpu di sekitar zon tengah dan ke arah selatan bandar berpusatkan Pekan Rabu. Antara komponen utamanya adalah kawasan perniagaan di sepanjang Jalan Pekan Cina, Pekan Melayu, Jalan Langgar, Jalan Putra, Jalan Tengku Ibrahim (kedai 2-3 tingkat), sekitar Pekan Rabu, Kompleks MBAS dan UTC, Bangunan Star Parade dan Hotel Sentosa.

- iii. Kawasan kemudahan/institusi dengan antara komponen utamanya seperti bangunan Majlis Bandaraya Alor Setar, Muzium Negeri, Stadium Darul Aman, kolam renang, bangunan Kontigen Polis Kedah, Gelanggang Budaya, Kompleks Pendidikan, Masjid Zahir, Tokong Poh Aun Keong, bangunan Wisma Negeri, bangunan Sultan Abdul Halim, Kompleks Kerajaan Persekutuan Negeri dan bangunan Wan Mat Saman.
- iv. Kawasan rekreasi dan pelancongan dengan antara komponen utamanya adalah Taman Merdeka, Stadium Darulaman dan *Waterfront* Sungai Kedah
- v. Kawasan aktiviti industri.
- vi. Jalanraya dengan antara komponen utamanya adalah Stesen perhentian (bas dan teksi), Jalan Putra, Persiaran Sultan Abdul Hamid, Lebuhraya Sultan Abdul Halim, Lebuhraya Darulaman, Jalan Pekan Cina, Jalan Kolam Air, Jalan Tengku Muhammad Jiwa, Jalan Langgar, Jalan Ibrahim, Jalan Sultan Badlishah, Jalan Telok Wan Jah dan Jalan Stadium.
- vii. Kawasan berinfrastruktur.
- viii. Kawasan sungai iaitu Sungai Kedah dan Sungai Anak Bukit.
- ix. Kawasan tanah kosong.

4.2.1 Dapatan Isu-Isu Gunatanah dan Halangan di Pusat Bandaraya Alor Setar

Berdasarkan kepada pemerhatian serta kajian yang dilaksanakan, terdapat beberapa isu dan masalah yang perlu diberi perhatian serta diambil tindakan oleh kerajaan negeri dan MBAS dalam pelaksanaan proses *rebranding* pusat bandaraya ini, antaranya adalah seperti berikut:

- i. Kurang penekanan terhadap keindahan tebing sungai dan aktiviti sungai di sepanjang Sungai Anak Bukit.
- ii. Kurang kemudahan infrastruktur (di Jalan Banjir) dan pembaikan persekitaran di beberapa kawasan kediaman.
- iii. Terdapat aktiviti gunatanah pembangunan yang tidak terkawal serta tanah yang mempunyai bangunan terbenkakai di beberapa kawasan yang perlu dibangunkan dengan pengisian baru.
- iv. Perlu dibuat pemuliharaan beberapa penempatan kampung tradisional.
- v. Terdapat keperluan beberapa kelompok bangunan warisan yang perlu dipelihara dan dipulihara disamping diintegrasikan jaringan pejalan kaki dengannya di situ.
- vi. Penempatan setinggan dikedua-dua belah Sungai Anak Bukit perlu dipindahkan untuk memberi laluan kepada proses pemulihan serta pengindahan untuk tujuan rekreasi. Disamping itu penempatan penduduk dapat ditingkatkan dengan kediaman yang lebih berkualiti.
- vii. Masih terdapat kawasan perniagaan yang kurang efisien yang memerlukan pemulihan dan dinaik taraf.
- viii. Perlu diberi perhatian terhadap peningkatan imej tebing sungai dan kualiti air di beberapa tempat yang berpotensi dilaksanakan pembangunan *waterfront*.
- ix. Terdapat pencanggahan gunatanah (seperti bengkel, perniagaan, tanah kosong, rumah tradisi) dan kemerosotan alam sekitar di beberapa tempat yang berpotensi sebagai kawasan bandar baru.

- x. Peranan Pekan Rabu perlu dipertingkat dan dikekalkan sebagai tarikan utama pelancong dan penduduk tempatan. Disamping itu, ia perlu diintegrasikan dengan tarikan lain antaranya seperti bangunan warisan, muzium dan masjid melalui jaringan pejalan kaki bertema.

4.2.2 Keadaan Semasa Pusat Bandaraya Alor Setar

Untuk memudahkan dibuat cadangan dan strategi pembangunan, kawasan kajian dibahagikan kepada lima (5) zon utama tindakan pembangunan berdasarkan kepada karektor serta isu-isu utama yang berbangkit semasa di peringkat awalan kajian. Setiap zon disusun masing-masing dengan strategi-strategi pembangunan tertentu yang dirasakan perlu untuk tindakan ke arah *rebranding* pusat Bandaraya Alor Setar. Pembahagian zon-zon ini adalah seperti berikut:

- i. **Zon tindakan persekitaran sungai**

Persekitaran sungai di pusat bandaraya merupakan kawasan yang memerlukan perhatian serta tindakan utama. Banyak isu dan masalah seperti isu setinggaan serta kawasan yang kurang efisien perlu ditangani segera. Ia melibatkan kawasan Limbong Kapal serta kawasan sekitarnya.

- ii. **Zon tindakan bercampur**

Pembangunan di kawasan ini tidak mempunyai kelas gunatanah yang jelas di mana aktiviti-aktiviti perniagaan, kediaman dan lain-lain bercampur antara satu sama lain. Ia melibatkan kawasan Jalan Pintu Sepuluh serta kawasan sekitarnya.

iii. **Zon tindakan institusi**

Komponen utama kawasan ini adalah institusi-institusi kerajaan yang kini telah dipindahkan ke kompleks kerajaan di Anak Bukit. Bagunan-bangunan yang dikosongkan perlu dibuat pengisian dengan segera. Ia melibatkan kawasan Medan Bandar serta kawasan sekitarnya.

iv. **Zon tindakan perniagaan**

Aktiviti perniagaan di pusat bandaraya terletak dalam zon yang jelas yang melibatkan kawasan Pekan Rabu serta kawasan sekitarnya.

v. **Zon tindakan kediaman**

Pusat bandaraya mempunyai zon kediaman yang besar dan terancang. Beberapa penambahbaikan boleh dilakukan bagi meningkatkan kualiti hidup di dalam bandar. Ia melibatkan kawasan Kampung Pisang serta kawasan sekitarnya.

4.2.3 Tema Perancangan Pembangunan

Selain dari itu, perancangan pembangunan berdasarkan beberapa tema penting turut dikaji dan dapatannya adalah dibincangkan di bahagian selanjutnya.

4.2.3.1 Rekabentuk Bandar

Rekabentuk pusat Bandaraya Alor Setar adalah berasaskan ‘Kota Kerajaan’ yang kemudian disusuli dengan perkembangan struktur sokongan institusi masyarakat yang lain seperti pusat keagamaan, ekonomi dan riadah. Pada masa ini, kekuatan

imej bandar Alor Setar masih terletak pada rekabentuk awal yang tertumpu di selatan bandar. Dari masa ke masa proses pembangunan telah menular ke arah utara bandar dan sebahagiannya turut menjadi aset kepada imej Bandaraya Alor Setar. Hasil daripada pemerhatian dan kajian yang dibuat, berikut merupakan keadaan semasa elemen imej pusat Bandaraya Alor Setar:

i. **Zon Karektor**

Ianya meliputi kawasan institusi pentadbiran di Medan Bandar, kawasan rumah kedai lama di Pekan Melayu dan Pekan Cina. Kekuatan/*strength* elemen ini merupakan rekabentuknya yang mempunyai identiti dari aspek sejarah serta gaya senibinanya. Malah, bangunan-bangunan ini mempamerkan aktiviti yang jelas mengikut zon karektornya. Manakala kelemahan/*weakness* elemen ini adalah di zon Medan Bandar yang mana susunatur asalnya yang bersepadu kini semakin diasingkan antara satu sama lain oleh binaan pagar mengikut lot. Selain dari itu, terdapat rumah kedai lama di Pekan Melayu yang semakin ditinggal usang. Malah rumah kedai di Pekan Cina tidak ditonjolkan kepada potensi sebenarnya.

ii. **Laluan Utama**

Ianya meliputi Lebuhraya Darulaman dan Jalan Sultan Badlishah (Utara-Selatan) serta Jalan Teluk Wan Jah dan Jalan Putra (Timur-Barat). Kekuatan/*strength* elemen ini adalah kerana ia merupakan laluan utama yang jelas yang menghubungkan utara-selatan dan timur-barat pusat bandar. Selain itu, sistem jalan ini meliputi zon dan bangunan-bangunan utama. Manakala kelemahan/*weakness* elemen ini adalah sistem jalan sehala yang menggunakan pengadang (seperti pasu bunga) mengelirukan serta mengaburkan pemahaman laluan. Malah, jaringan laluan pejalan kaki yang dibina tidak jelas kepada pengguna.

iii. **Nodus atau Pusat Tumpuan**

Ianya melibatkan kawasan Pekan Rabu, kawasan sekitar City Plaza, kawasan sekitar Teluk Wan Jah dan Medan Peruda. Kekuatan/*strength* elemen ini adalah kerana terdapat pengguna dan pengunjung yang ramai yang sentiasa merancakkan aktiviti kawasan sekitarnya. Manakala kelemahan/*weakness* elemen ini pula adalah kerana tiada penyediaan ruang masyarakat yang khusus dan berkesan. Walaupun pengunjung mempunyai tujuan khusus, akan tetapi tiada aktiviti umum dianjurkan.

iv. **Mercu Tanda**

Ianya melibatkan bangunan Masjid Zahir, Pekan Rabu, Kompleks Peruda dan Menara Alor Setar. Kekuatan/*strength* elemen ini adalah kerana Masjid Zahir dan Pekan Rabu merupakan ikon bagi Alor Setar khususnya dan negeri Kedah amnya yang telah mengukir nama kemasyhurannya. Mercu-mercu tanda tersebut kaya dengan nilai sejarah, senibina dan aktiviti yang berkisar di dalamnya. Manakala kelemahan/*weakness* elemen ini adalah keadaan fizikalnya yang tidak dijaga dan dikembangkan mengikut potensi semasa. Menara Alor Setar hanya menjadi lambang fizikal dan kurang diintegrasikan dengan aktiviti yang hidup dan menyeluruh.

v. **Sempadan dan Pinggir**

Ianya meliputi Sungai Anak Bukit (utara dan barat), Sungai Kedah (selatan) dan rel keretapi (timur). Pusat Bandaraya Alor Setar dikelilingi oleh sungai-sungai utama, namun begitu imej sungai serta aktiviti yang berkaitan belum berjaya ditonjolkan. Kekuatan/*strength* elemen ini adalah faktor sungai di mana ia merupakan aset semulajadi yang dapat menyediakan pelbagai aktiviti dan juga dapat memberi ketenangan

kepada suasana sekitar. Malah, ia juga menjadi elemen lanskap semulajadi kepada bandar. Manakala kelemahan/*weakness* elemen ini adalah disebabkan oleh tiada atau kurang akses yang jelas ke sungai dari segi fizikal (terlindung oleh pokok/semak, struktur dan bangunan) dan visual hingga kurangnya aktiviti yang melibatkan pelbagai golongan masyarakat. Malah tiada kesinambungan laluan pejalan kaki di kawasan tersebut. Imej pusat bandaraya semakin kurang jelas setelah mengharungi pembangunan yang tidak terkawal dari segi garis panduan pembangunan. Tekanan dari pelbagai sektor dalam institusi bandar mungkin telah mewujudkan halatuju pembangunan yang kadangkala bercanggah antara satu sama lain. Ini menjadi punca yang menjejaskan imej rekabentuk bandar. Namun begitu, berdasarkan kajian dan pemerhatian yang dibuat, beberapa peluang dapat digunakan. Kawasan Pekan Melayu dan Pekan Cina boleh dibangunkan dengan tindakan melalui naiktaraf dan pengisian semula aktiviti. Selain itu, sistem jalan sehala pusat bandaraya perlu dilaksanakan secara tetap manakala laluan pejalan kaki baru perlu ditambah bagi membentuk jaringan dengan yang sedia ada. Sekitar Pekan Rabu yang menjadi tumpuan ramai disamping mempunyai kawasan lapang boleh dijadikan medan masyarakat. Pekan Rabu sebagai mercu tanda boleh dinaiktaraf mengikut keperluan pengguna masa kini. Malah, Sungai Kedah dan Sungai Anak Bukit boleh dicerahkan untuk akses visual dan fizikal supaya menjadi ruang pelancongan keluarga.

4.2.3.2 Lanskap

Lanskap di pusat Bandaraya Alor Setar secara keseluruhannya mempamerkan identiti warisan dan senibudaya persejarahan. Kewujudan sungai atau sistem alur sebagai lanskap semulajadi turut melingkungi kawasan dari deretan rumah kedai awal di Pekan Melayu dan Pekan Cina hinggalah ke Istana Anak Bukit. Rangkaian ini turut meliputi kawasan warisan Medan Bandar di mana terletaknya Masjid Zahir, Balai Besar, Istana Pelamin, Balai Nobat dan Balai Seni. Hasil daripada kajian serta

pemerhatian yang dilaksanakan, berikut merupakan keadaan semasa elemen lanskap di pusat Bandaraya Alor Setar:

i. **Pokok dan Tumbuhan**

Didapati jenis pokok utama yang terdapat di kawasan kajian adalah pokok teduhan dan hiasan di samping pokok-pokok yang berkaitan dengan etno-botani yang menjadi kegunaan masyarakat. Contoh spesis yang terdapat di sini adalah terdiri daripada Akasia (*Acacia spp*), Angsana (*Pterocarpum indicus*), Jemerlang (*Peltophorum pterocarpum*), Mempari (*Pongamia pinnata*) dan Asoka/Mempising (*Polyalthia longifolia*). Terdapat sebahagian daripada pokok-pokok tersebut yang kurang subur disebabkan oleh tekanan persekitaran, antaranya seperti terdapat ruang sempit di antara bebahu jalan dan longkang serta pembahagi jalan. Selain dari itu, permukaan tanah yang ditutup dengan tar dan bahan konkrit turut menghalang pertumbuhan pokok dengan baik. Konflik antara dahan pokok dengan kabel elektrik juga mempengaruhi tumbesaran pokok menyebabkan ia tidak dapat membesar dengan sempurna. Malah, aktiviti pemangkasan dahan yang tidak bersistematik merosakkan pembentukan pokok sehingga memburukkan lagi kesuburan pokok.

ii. **Dataran dan Laluan Pejalan Kaki**

Didapati laluan pejalan kaki dibina di sepanjang jalan taman dan kawasan taman rekreasi manakala taburan dataran di dalam pusat bandaraya masih lagi kurang. Secara amnya kedua-dua elemen ini mempunyai rekabentuk ringkas menggunakan *interlocking paver* dan berada dalam keadaan sederhana baik.

iii. Perabot Lanskap

Perabot lanskap sediada di pusat Bandaraya Alor Setar adalah seperti wakaf, kerusi/tempat duduk, kotak tanaman, lampu jalan dan juga lampu hiasan. Selain itu, terdapat juga struktur-struktur lain seperti jejambat, *kiosk* dan struktur teduhan *tensile*. Kebanyakan elemen tersebut berada dalam keadaan baik. Namun begitu, rekabentuk yang tidak seragam gagal menyumbang kepada identiti persekitaran bandar yang bersesuaian.

iv. Vista

Pusat Bandaraya Alor Setar mempunyai mercu tanda dan vista tetapi kurang efektif untuk memberikan kesan pandangan yang kekal atau *lasting impression* kepada pelawat. Mercu tanda dan vista sedia ada yang telah dikenalpasti perlu diperbaiki dan dinaiktaraf supaya lebih berkesan untuk mencuri tumpuan, memberi imej positif kepada bandar serta memberikan estetik pusat bandar.

Kelemahan/*weakness* yang wujud lebih kepada isu-isu berkaitan lanskap pusat Bandaraya Alor Setar yang mana didapati masih kurang kemudahan-kemudahan lanskap di kawasan pusat bandar. Lanskap sedia ada yang kurang penjagaannya telah menjejaskan imej bandar dan juga kualiti visualnya. Ketiadaan kesinambungan jaringan pejalan kaki antara ruang-ruang aktiviti dalam bandar serta terdapat konflik dengan laluan kenderaan telah menghadkan aktiviti pejalan kaki. Penggunaan kotak penanaman pokok bunga yang tidak terkawal dan tidak tersusun turut menjejaskan imej dan visual pusat bandaraya. Malah, penggunaan tumbuhan/pokok *annual* dalam bandar menyebabkan berlakunya kos penyelenggaraan yang tinggi. Selain dari itu, ketiadaan ruang awam yang khusus di pusat bandaraya telah menghadkan aktiviti awam di pusat bandar. Malah, apa yang merisaukan adalah keadaan Sungai Raja yang kadang kala berbau busuk dan juga tercemar akibat daripada penyaluran air yang tidak dirawat secara tidak terkawal, termasuk pembuangan sampah sarap secara berleluasa.

4.2.3.3 Pengangkutan dan Lalulintas

Sistem pengangkutan dan lalulintas semasa di pusat Bandaraya Alor Setar didapati masih kurang memuaskan dan perlu dilakukan peningkatan secara menyeluruh. Sistem pengurusan lalulintas ini merangkumi aliran lalulintas, kemudahan pejalan kaki dan tempat meletak kenderaan.

i. Aliran Lalulintas

Berdasarkan pemerhatian dan kajian lalulintas yang dilaksanakan, terdapat aliran sehala dan dua hala di pusat bandaraya. Terdapat pertambahan yang konsisten dari masa ke masa terhadap jumlah kenderaan dalam sistem lalulintas di pusat bandaraya. Sehubungan dengan itu didapati sistem jalan sehala perlu dilaksanakan sepenuhnya. Aliran sehala sementara yang dijalankan sekarang ini didapati tidak efektif malah kadang kala mengelirukan terutamanya kepada bukan pengguna/pengunjung lazim hingga menyebabkan berlaku kesesakan lalulintas. Ini disebabkan tidak dijalankan sistem sehala secara menyeluruh di pusat bandaraya.

ii. Kurang Kemudahan Pejalan Kaki

Walaupun terdapat kemudahan laluan pejalan kaki di pusat bandaraya, tetapi jumlahnya masih kurang dan terhad di beberapa tempat. Selain dari itu, walaupun terdapat kemudahan lintasan berlampu isyarat dan jejantas di hadapan Pekan Rabu untuk kegunaan orangramai, namun begitu masih terdapat segelintir masyarakat yang tidak menggunakannya. Malah jejantas *escalator* sering tidak berfungsi, kadang-kala kotor dan kadang-kala menjadi tumpuan pengemis yang secara tidak langsung menjejaskan penggunaannya. Malah, keadaan ini juga akan turut menjejaskan imej bandaraya.

iii. **Kurang Kemudahan Tempat Meletak Kenderaan**

Didapati antara penyebab kesesakan lalulintas di pusat bandaraya Alor Setar ialah kekurangan tempat meletak kenderaan. Orangramai meletakkan kenderaan *on-street* dalam tempoh yang agak lama menjejaskan pergerakan lalulintas. Berdasarkan maklumat yang diperolehi daripada Unit Tempat Letak Kenderaan Majlis Bandaraya Alor Setar, bilangan petak bermeter atau jumlah tempat meletak kenderaan di sekitar pusat bandaraya dianggarkan sebanyak 1,400 petak. Semasa waktu puncak, didapati jumlah permintaan untuk meletak/*parking* kenderaan meningkat dan tempat meletak kenderaan tidak mencukupi untuk menampungnya.

4.2.3.4 Perniagaan

Hasil daripada kajian dan pemerhatian yang dibuat, didapati kawasan perniagaan merupakan komponen kedua terbesar dari segi gunatanah di pusat bandaraya Alor Setar. Tumpuan terbesar perniagaan formal dan informal adalah di pusat bandaraya dan juga pinggir pusat bandaraya iaitu di sekitar Pekan Melayu, Pekan Cina, Jalan Tunku Ibrahim, Jalan Langgar serta sekitar kawasan Jalan Pintu Sepuluh. Berikut adalah kedudukan semasa elemen perniagaan di pusat Bandaraya Alor Setar:

i. Penyertaan Kaum dalam Sektor Formal dan Informal

Berdasarkan maklumat yang diperolehi daripada Bahagian Pelesenan Majlis Bandaraya Alor Setar didapati hampir 78% aktiviti perniagaan formal dijalankan oleh kaum Cina, 17% dikalangan orang Melayu, 4% India dan 1% lain-lain. Pekan Rabu, Bazar Melayu di Aked Empire dan Bazar Lorong Timur merupakan tumpuan peniaga Melayu. Bagi perniagaan informal, penglibatan peniaga Melayu amat tinggi iaitu lebih 79%, diikuti dengan peniaga Cina sebanyak 18% dan peniaga India 3%. Berdasarkan hasil temubual dengan Pengarah Koperasi Pekan Rabu dan

Pengarah Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (LPPP) Negeri Kedah, masing-masing berkongsi pendapat dan membangkitkan faktor kelemahan/*weakness* serta beberapa isu yang sama terhadap Pekan Rabu dan kawasan sekitarnya, iaitu kurangnya tempat letak kenderaan merupakan punca kepada kesukaran Pekan Rabu dikunjungi, kekurangan ruang niaga sedangkan permintaan adalah tinggi dan perlu dibesarkan ruang niaga di Pekan Rabu (lihat Jadual 4.1).

Jadual 4.1: Taburan Jenis Perniagaan di Pusat Bandaraya Alor Setar

Perniagaan Formal	Bilangan / Peratus
Borong	77 (4.7%)
Institusi Sosial/Pertubuhan Agama	40 (2.4%)
Kewangan dan Insurans	77 (4.7%)
Kompleks	9 (0.5%)
Pasaraya	17 (1.1%)
Pejabat Kerajaan	2 (0.1%)
Perkhidmatan	508 (31.6%)
Premis Pejabat	2 (0.1%)
Pusat Pendidikan/Institusi Swasta	30 (1.8%)
Restoran dan Hotel	179 (11.1%)
Runcit	319 (19.8%)
Stor/Gudang	7 (0.4%)
Dalam Pembinaan	3 (0.2%)
Baru Disiapkan	1 (0.1%)
Kosong	333 (20.7%)
Lain-lain	3 (0.2%)
<i>Jumlah</i>	<i>1,607 (100%)</i>
Perniagaan Informal	Bilangan / Peratus
Perniagaan Informal	
Gerai Bergerak	40 (44.4%)
Gerai Tepi Jalan	27 (30.0%)
Gerai Tertutup (Kekal)	13 (14.4%)
Medan Selera	7 (7.8%)
Pasar Malam	1 (1.7%)
Pasar Tani	1 (1.7%)
<i>Jumlah</i>	<i>90 (100%)</i>

Sumber : Bahagian Pelesenan Majlis Bandaraya Alor Setar (MBAS)

ii. **Jenis Bangunan Perniagaan**

Didapati perniagaan formal dijalankan di dalam bangunan manakala perniagaan informal lebih berbentuk gerai-gerai, kereta sorong dan bazaar. Pasar tani, pasar malam dan pasar minggu merupakan perniagaan informal di dalam kawasan kajian ini. Masih terdapat beberapa bangunan perniagaan yang sedang dalam pembinaan seperti bangunan Aman Central umpamanya yang mempunyai potensi besar sebagai daya tarikan perniagaan baru. Pembinaan Dataran Usahawan/Ukir Mall telah merencanakan pembangunan kawasan kajian sama ada aktiviti perniagaan formal atau informal. Malah, bangunan bekas pasar besar di Jalan Seberang Perak masih dalam keadaan baik dan berpotensi diubah suai kegunaannya sebagai pusat perniagaan persisir sungai.

4.2.3.5 Pelancongan

Senario semasa sektor pelancongan di pusat Bandaraya Alor Setar boleh dilihat dari beberapa faktor iaitu sebab-sebab kedatangan pelancong ke Bandaraya Alor Setar, kedudukan Bandaraya Alor Setar dalam sektor pelancongan berbanding dengan bandar-bandar lain di Malaysia dan persoalannya apa yang menggamit pelancong datang ke Bandaraya Alor Setar.

Berdasarkan kepada kajian dan pemerhatian, antara sebab dan aktiviti pelancong disepanjang kunjungan ke Bandaraya Alor Setar adalah seperti berjalan-jalan, berehat/bercuti, membeli-belah, melawat bangunan bersejarah, membeli hasil kraf, melihat budaya, berniaga dan urusan kerja. Jika dilihat dari aspek kekuatan/*strength* dan kelemahan/*weakness* elemen pelancongan, Bandaraya Alor Setar mempunyai beberapa kelebihan dan juga kekurangannya. Aspek-aspek yang dilihat adalah seperti berikut:

i. **Kedudukan Bandaraya Alor Setar**

Sekiranya dibanding dengan bandar-bandar lain di Malaysia seperti Melaka, Kota Bharu, Kuching, Kota Kinabalu dan Georgetown umpamanya, Alor Setar agak ketinggalan dari segi daya tarikan serta dari aspek produk-produk infrastruktur pelancongan. Berbanding dengan Bandar Kota Bharu, Kelantan, Alor Setar perlu mempunyai dan memajukan produk pelancongannya sendiri dari segi keunikan hasil kraftangan atau kerja tangan penduduknya sepertimana batik dan kraftangan di Kelantan. Alor Setar juga perlu mempunyai seberapa banyak infrastruktur pelancongan seperti hotel, tempat penginapan, tempat-tempat yang menarik pelancong dan juga kemudahan-kemudahan sokongan sekiranya mahu bersaing dengan bandar-bandar lain di Malaysia. Alor Setar mempunyai bentuk geografi semulajadi yang menarik iaitu petempatannya dikelilingi sungai dan mempunyai aset warisan yang bernilai. Namun, elemen-elemen tersebut kurang berjaya ditonjolkan sepertimana yang telah dilaksanakan Georgetown dan Melaka. Malah, Alor Setar juga belum ada halatuju pasaran pelancongan yang jelas dan mantap khususnya di kawasan pusat bandaraya.

ii. **Faktor yang Mempengaruhi Kedatangan Pelancong**

Elemen utama yang dapat menarik pelancong ke Bandaraya Alor Setar adalah untuk membeli-belah barangan jualan di Pekan Rabu. Ia merupakan satu-satunya warisan dan modul perniagaan orang Melayu yang unik sejak dahulu lagi yang masih tinggal dan perlu dikekalkan. Pekan Rabu juga telah berperanan sebagai pusat pengumpulan serta jualan produk-produk kraftangan dan kuih muih tradisional orang Melayu. Antara perniagaan penduduk negeri Kedah di Pekan Rabu adalah seperti perniagaan kuih muih tradisional Melayu, perniagaan pakaian tradisional Melayu, perniagaan songkok (baldu), perniagaan barangan kraftangan dan seni, perniagaan barangan keperluan jemaah haji, menjual buku-buku

agama, menjual ubat-ubatan, perniagaan barangan pengantin, perniagaan barangan emas, perniagaan makanan dan minuman, perniagaan barangan runcit dan perniagaan ikan kering/pekasam.

Selain daripada itu, sebab-sebab lain yang menggamit kedatangan pelancong ke Bandaraya Alor Setar adalah kerana kedudukan Alor Setar yang terletak di tengah-tengah jalan atau tempat persinggahan bagi pelancong yang melawat Pulau Langkawi, Negeri Perlis, pekan Padang Besar dan Bukit Kayu Hitam di sempadan Thailand. Malah, terdapat satu-satunya lapangan terbang bagi pelancong yang hendak melawat ke Negeri Perlis yang berdekatan dengan Bandaraya Alor Setar. Berdasarkan kepada data penerbangan yang dikeluarkan oleh Lapangan Terbang Sultan Abdul Halim, pada tahun 2012, sejumlah 2,665 penerbangan telah mendarat dan berlepas dari lapangan terbang ini (Statistik Kedah Darul Aman 2012). Selain dari itu, terdapat beberapa buah bangunan warisan yang mempunyai nilai senibina dan sejarah yang menarik untuk dilawati seperti Masjid Zahir, Balai Nobat, Balai Besar, Wisma Negeri, Balai Seni serta beberapa binaan lain. Terdapat juga beberapa jenis makanan yang mempunyai citarasa yang unik yang digemari pelancong (seperti kelazatan dan keunikan laksa Telok Kechai di Jalan Kuala Kedah umpamanya) yang menjadi dorongan ke bandaraya ini. Malah, terdapat bangunan Menara Alor Setar untuk pelancong meninjau panorama Alor Setar serta kawasan sekelilingnya yang menarik. Tambahan pula, harga barangan dan taraf hidup di Alor Setar didapati masih rendah berbanding dengan lain-lain bandar di Malaysia.

Selain dari itu, kajian ini turut menitik beratkan kepada beberapa perkara berkaitan dengan bangunan warisan yang perlu diberi perhatian kerana ianya merupakan daya tarikan pelancongan-budaya ke Bandaraya Alor Setar. Beberapa tindakan perlu diberi perhatian oleh pihak berwajib berhubung dengan aspek ini, antaranya dari segi kedudukan bangunan warisan agak berjauhan dan susah dilawati kerana tiada laluan pejalan kaki yang jelas disediakan. Malah, promosi untuk melawat bangunan warisan yang dilakukan oleh beberapa pihak tertentu masih kurang memberansangkan di mana bangunan-bangunan yang berpotensi untuk dijadikan sebagai bangunan warisan dan mempunyai nilai sejarah tidak ditonjokan. Di samping itu, terdapat juga bangunan-bangunan warisan ini tidak diurus dengan

baik. Terdapat juga nilai elemen senibina bangunan seperti ukiran pada rasuk dan tiang agak terlindung oleh papan tanda yang beraneka jenis dan ditambah pula dengan skim warna bangunan yang tidak dikawal.

Alor Setar juga perlu memberi perhatian terhadap bangunan-bangunan warisannya terutamanya dari sudut lokasi, nilai senibina dan juga keadaan bangunan-bangunan tersebut. Bangunan-bangunan warisan seperti Masjid Zahir, Wisma Negeri, Balai Seni, Balai Besar, Balai Nobat, Mahkamah Tinggi lama, Istana Kuning, Bangunan Wan Mat Saman, Bangunan Pejabat Pos lama, Balai Polis Cawangan Trafik, Masjid Nagore, Istana Sepachendera dan Bangunan Unit Pencegahan Penyeludupan (UPP) merupakan beberapa bangunan utama yang luar dan dalamnya perlu dikekalkan dan hanya kerja-kerja baik pulih sahaja yang boleh dibenarkan. Malah, bangunan warisan di Pekan Cina, Pekan Melayu, kedai-kedai tradisional di Jalan Tunku Ibrahim dan Jalan Langgar perlu dikekalkan bahagian luarannya walaupun pembangunan dilaksanakan di kawasan tersebut.

4.2.4 Konsep Pembangunan

Selain dari itu, berdasarkan kepada kajian serta pemerhatian yang dijalankan, pembangunan komuniti, identiti dan lestari juga menjadi antara pendekatan konsep pembangunan yang sesuai dalam merekabentuk semula pusat Bandaraya Alor Setar sebagai langkah *rebranding*. Ianya dapat membantu untuk mengukuhkan imej serta identiti pusat bandaraya. Disamping itu, ciri-ciri keunikan setempat turut dapat ditonjolkan. Dengan mengenalpasti isu-isu berbangkit, ianya akan menjadi asas kepada pengaturan strategi pembangunan yang sesuai, iaitu

i. Pembangunan Komuniti

Pembangunan komuniti dapat membawa faedah secara langsung kepada masyarakat/penduduk tempatan khususnya dan para pengunjung dari seluruh pelusuk negeri Kedah serta pelancong dari dalam dan luar negara amnya.

Ruang-ruang masyarakat seperti Medan Ilmu, Medan Masjid Zahir, Medan Pekan Rabu dan Medan Limbong Kapal dicadangkan sebagai tempat masyarakat bertemu/berkumpul dan menjalankan aktiviti sosial. Kawasan *green lung* dicadang diwujudkan di tengah pusat bandaraya merangkumi sekitar kawasan Istana Kuning, Medan Bandar dan juga zon bangunan-bangunan warisan. Kawasan hijau bandar ini akan menjadi ‘ruang lega’ kepada penduduk/warga bandaraya.

ii. Pembangunan Identiti

Pembangunan identiti pula melihat kepada pembentukan zon-zon karektor bagi pusat Bandaraya Alor Setar. Cadangan pembangunan distrukturkan mengikut zon-zon karektor seperti berikut:

Jadual 4.2: Zon Karektor dan Ciri-ciri Cadangan Pembangunan Bandaraya Alor Setar

Zon Karektor	Ciri-ciri Cadangan Pembangunan
Alor Setar <i>Waterfront</i>	Program pembangunan dan aktiviti berkaitan persekitaran sungai (seperti koridor sungai, taman tema air, <i>resort</i>)
Pembangunan Limbong Kapal	Program pembangunan dan aktiviti berkaitan perdagangan dan perniagaan (seperti pusat korporat, kompleks pejabat dan gedung beli-belah)
Teras Warisan	Pemeliharaan serta naik taraf kawasan, bangunan dan aktiviti warisan (seperti naik taraf dan pengembangan Pekan Rabu menjadi bazaar besar dan taman warisan)
<i>Green Lung</i>	Kawasan hijau Bandar sebagai ‘ruang lega’ (seperti padang awam dan taman tasik)
Universiti Dalam Bandar	Program pembangunan dan aktiviti berkaitan pengajian dan pendidikan

Sumber: Hasil Analisa Penemuan Kajian (2014)

Pusat Bandaraya Alor Setar dikelilingi oleh beberapa batang sungai utama seperti Sungai Kedah, Sungai Anak Bukit dan Sungai Raja. Elemen air ini dikenalpasti sebagai satu lagi elemen identiti yang perlu ditonjolkan. Cadangan Alor Setar *Waterfront* akan menarik penyertaan orang ramai terhadap sungai secara aktif. Ianya bersekali dengan cadangan-cadangan lain seperti mewujudkan taman *linear* serta *promenade* yang membolehkan akses secara visual dan fizikal ke sungai. Ia secara langsung akan dapat memberi gambaran serta pengenalan yang jelas bahawa Alor Setar merupakan sebuah bandaraya dikelilingi sungai. Elemen ini juga penting untuk memahamkan penghuni dan juga para pengunjung tentang sempadan kawasan pusat Bandaraya Alor Setar. Dalam pembangunan identiti ini, pendekatan tektonik tempatan perlu diberi perhatian di mana seni pertukangan Melayu atau Malaysia perlu dititikberatkan dalam perincian rekabentuk. Langkah perincian rekabentuk yang sepatutnya adalah dengan menggunakan prinsip-prinsip tradisional dan mengaplikasikannya melalui cara serta teknologi masa kini dan berdaya maju. Ini bukan saja akan mengekalkan tradisi dan elemen asal, malah akan memberikan wajah baru yang unik serta beridentiti.

iii. Pembangunan Lestari (*Sustainability*)

Bandar merupakan medan untuk membina perkembangan serta kemajuan tamadun. Masyarakat madani atau *civil society* merupakan konsep yang memperlihatkan ciri-ciri ketamadunan yang berteraskan kepada idealisma bandar (Ibnu Khaldun, 2002). Memandangkan sesebuah bandar itu merupakan tempat himpunan pelbagai lapisan pendidikan dan sumber ilmu pengetahuan, menyediakan pelbagai lapisan pekerjaan dan perumahan, ianya bukan saja menjadi saluran atau *medium* untuk berinteraksi antara penduduk dalam bandar itu sendiri, malah juga dengan masyarakat luar. Sesebuah bandar yang memiliki keadaan seumpama itu disebut sebagai bandar lestari atau *sustainable city* (Abd.

Samad Hadi, Shaharudin Idrus & Abdul Hadi Harman Shah, 2004). Kesejahteraan penduduk sesebuah bandar berkait rapat dengan konsep bandar lestari.

Justeru, kajian ini akan memberikan fokus kepada kelangsungan sumber-sumber terdahulu dan sedia ada yang telah mencorak struktur fizikal serta kehidupan pusat Bandaraya Alor Setar. Ini bagi memastikan generasi masa hadapan dapat menghayati serta menikmati kehidupan dalam suasana ‘berpanduan’ dan mempunyai landasan yang betul dalam mengharungi pembangunan di masa hadapan. Konsep kelestarian atau *sustainability* ini terbahagi kepada:

i. Fizikal

Iaitu pemuliharaan dan pemeliharaan kawasan warisan seperti Pekan Melayu dan Pekan Cina serta bangunan-bangunan warisan seperti Balai Besar dan Istana Kuning. Di samping itu , perlu kepada strategi rekabentuk berdasarkan faktor tapak (seperti tepian sungai) dan iklim setempat (seperti pengudaraan mengikut monsun dan pencahayaan asli) yang lebih terperinci. Malah, dengan penggunaan pasukan dan bahan-bahan binaan tempatan dapat merencanakan lagi perkembangan ekonomi serta akan berlaku peningkatan teknologi setempat.

ii. Sosioekonomi

Perlu dibangunkan Pekan Rabu sebagai pusat sosioekonomi terpenting bandaraya serta mengembangkannya kepada bangunan-bangunan disekelilingnya yang didapati masih kurang berdaya saing. Penerapan unsur budaya dalam merencana program dan aktiviti bandar seperti pembangunan industri kraf serta produk Kedah, persembahan dan permainan tradisi tempatan perlu diaktifkan. Malah, perlu dihidupkan

aktiviti masyarakat turun-temurun melalui kempen dan penyediaan kemudahan, baik dari sudut agama mahupun budaya.

4.3 Rumusan Bab

Dapatan kajian hasil daripada pemerhatian, temubual serta rujukan yang dibuat dapat membantu membuat cadangan-cadangan pembangunan yang bersesuaian kearah *rebranding* Bandaraya Alor Setar untuk menjadi destinasi pelancongan yang lebih menarik.

Bab 5

STRATEGI DAN PERANCANGAN *REBRANDING*

5.1 Pendahuluan

Pembangunan sektor pelancongan di kebanyakan negeri di Malaysia dan di luar negara telah menjadi sektor alternatif penting selepas perniagaan dan perdagangan. Sektor ini turut menjadi pemangkin dan penggerak kepada pelbagai sektor hiliran dalam sektor tersebut. Pelbagai insentif dan strategi perlu diwujudkan untuk memastikan pembangunan sektor ini berdasarkan kepada pengenalpastian bentuk-bentuk produk yang berpotensi dijadikan produk pelancongan.

Permulaan kepada destinasi pelancongan adalah di sesebuah bandaraya, bandar ataupun kawasan yang ekonominya sangat bergantung kepada hasil daripada pelancongan. Ia mengandungi satu atau lebih tarikan pelancongan yang mungkin juga sesetengahnya menjadi ‘perangkap pelancongan’. Tarikan pelancongan semulajadi menarik pelawat untuk melihat keadaan dunia yang ditinggalkan oleh budaya-budaya tradisional yang terdahulu sepertimana bandaraya terkenal New York, London, Paris, Sydney, Madrid, Toronto, Tokyo dan Rome umpamanya yang menarik ramai pelancong setiap tahun hingga menjadikan masing-masing destinasi dan tumpuan pelancongan utama dunia.

Di Malaysia, tumpuan aktiviti pelancongan di beberapa negeri ditonjolkan melalui produk tertentu yang merupakan *branding* khusus bandar-bandar di negeri tersebut sehingga menjadi daya tarikan pelancongan. Antaranya seperti;

- i. Produk berasaskan sumber alam semulajadi yang menjadi *branding* kepada Bandaraya Kuala Terengganu dan Kota Kinabalu umpamanya.

- ii. Produk berasaskan kebudayaan dan adat setempat yang menjadi *branding* kepada Bandaraya Kuching, Georgetown dan Kota Bharu umpamanya.
- iii. Produk berasaskan kegiatan membeli-belah yang menjadi *branding* kepada Bandaraya Kuala Lumpur dan Johor Baharu umpamanya.
- iv. Produk berasaskan bahan atau tempat bersejarah yang menjadi *branding* kepada Bandaraya Melaka umpamanya.
- v. Produk berasaskan kegiatan yang berkaitan dengan pantai dan sungai yang menjadi *branding* kepada Langkawi, khususnya bandar Kuah.


5.2 Strategi Pembangunan

Berdasarkan kepada gunatanah semasa, cadangan zon pembangunan serta cadangan pembangunan berdasarkan tema sepertimana dalam Bab 4, secara amnya cadangan strategi pembangunan melalui enam sektor yang terlibat (iaitu pembangunan fizikal, rekabentuk bandar, lanskap, pelancongan, perniagaan serta pengangkutan dan lalulintas) akan melibatkan aspek berikut;

- i. Pemuliharaan sungai, iaitu melapangkan kawasan koridor/persisiran sungai.
- ii. Pembangunan fizikal dan aktiviti, yang mana melibatkan pengisian semula pembangunan bercirikan *waterfront*.
- iii. Pembinaan mercu-tanda (*landmark*) yang melibatkan pembinaan dan pemuliharaan bangunan tertentu.
- iv. Mewujudkan laluan alternatif sebagai laluan utama ke pusat bandaraya.

- v. Mewujudkan kawasan terbuka awam atau *communal space* sebagai pusat kepada pembangunan semula.
- vi. Mewujudkan jaringan pejalan kaki sebagai penambahbaikan mode perhubungan.
- vii. Memastikan kompleks pejabat dibuat pengisian.
- viii. Membina *town house* bagi memperkenalkan kediaman berkonsepkan baru.

Hala tuju dan matlamat rancangan pembangunan *rebranding* pusat Bandaraya Alor Setar ini dicadangkan melalui enam (6) tema utama yang berkait rapat antara satu sama lain. Tema-tema ini mempunyai objektif masing-masing yang secara langsung memberi kesan dan faedah positif kepada pusat bandaraya secara menyeluruh. Setiap tema menyentuh sektor-sektor tertentu secara langsung atau secara berpengaruh dan seterusnya menjadikannya suatu matlamat yang menyeluruh atau wawasan Bandaraya Alor Setar, iaitu “Alor Setar Bandaraya Warisan Yang Indah dan Sejahtera”. Cadangan hala tuju ini dapat digambarkan seperti dalam rajah di bawah.



Rajah 5.1: Hubung Kait Tema Pembangunan dengan *Rebranding* Bandaraya Alor Setar

Sumber: Hasil Analisa Penemuan Kajian (2014)

5.3 Cadangan Program Pembangunan

Terdapat beberapa cadangan tindakan pembangunan berdasarkan hasil kajian yang telah dijalankan selari dengan hasrat *rebranding* pusat Bandaraya Alor Setar khususnya dalam sektor pelancongan. Ianya secara langsung akan melibatkan aspek rekabentuk bandar, lanskap, pelancongan, perniagaan, pengangkutan dan lalulintas serta pendidikan yang sememangnya saling berkait dan bergantung antara satu sama lain. Beberapa kawasan di sekitar pusat Bandaraya Alor Setar telah dikenalpasti sesuai untuk diberi penampilan baru sebagai produk atau kawasan tarikan pelancongan, antaranya adalah seperti di lokasi berikut;

- i. Sekitar Sungai Kedah dan Sungai Anak Bukit
- ii. Sekitar Jalan Pintu Sepuluh dan *Market Kobo*
- iii. Sekitar Medan Bandar
- iv. Sekitar Pekan Rabu
- v. Sekitar Jalan Sultan Badlishah
- vi. Sekitar Petempatan Kampong Pisang dan Petempatan Jalan Stadium

Namun begitu, hanya beberapa kawasan sahaja di pusat bandaraya yang akan dikaji dalam kajian ini iaitu kawasan sekitar Sungai Kedah dan Sungai Anak Bukit, kawasan sekitar Medan Bandar dan juga kawasan sekitar Pekan Rabu. Antara cadangan perancangan ke arah *rebranding* pusat Bandaraya Alor Setar sebagai pusat pelancongan adalah dibincangkan di bahagian Jadual 5.1.

Jadual 5.1: Cadangan Program Pembangunan (Waterfront Alor Setar)

Nama Program	Deskripsi Program
<p>Mewujudkan Waterfront Alor Setar</p>	<p>Kawasan yang terlibat adalah di sekitar dan di sepanjang pesisir Sungai Kedah dan Sungai Anak Bukit, di mana gunatanahnya adalah sebahagian daripada rezab sungai-sungai tersebut. Fokasnya adalah pembangunan tepi sungai dan perlu diberikan <i>facelift</i> kepada keadaan sungai. Antara beberapa isu yang perlu diberi perhatian dan diatasi berhubung dengan cadangan pembangunan ini adalah imej sungai serta aktiviti berkaitan masih belum berjaya diketengahkan penonjolannya. Malah, terdapat beberapa halangan fizikal dan visual di mana sungai terlindung oleh pokok/semak, struktur dan bangunan, akses langsung ke sungai oleh orang awam tidak jelas serta tiada kesinambungan laluan pejalan kaki. Selain dari itu, persekitaran sungai kurang meriah kerana kurangnya penganjuran aktiviti berkaitan sungai untuk masyarakat umum.</p> <p>Pembangunan semula atau penaiktarafan persekitaran sungai kepada <i>waterfront</i> di Seberang Perak, Tanjung Chali dan Seberang Limbong Kapal dapat menghidupkan elemen sungai kepada pusat bandar. Pembangunan ini boleh menjadi permulaan kepada penggalakkan pengindahan persekitaran sungai di pusat bandar. Memandangkan Alor Setar kekurangan tempat rekreasi yang jelas, sungai boleh dihidupkan dan dijadikan sebagai salah satu tumpuan rekreasi dan riadah. Pembangunan ini akan memberi peluang untuk membangunkan semula gunatanah kawasan Seberang Perak yang pada masa sekarang dilihat kurang efisien. Antara beberapa komponen yang sesuai dibangunkan adalah seperti persiaran pejalan kaki berturap, jambatan untuk pejalan kaki dan juga kenderaan, jeti dan hentian bot/sampan, perincian lanskap <i>softscape</i> dan <i>hardscape</i> di sepanjang persisiran dan juga perabot-perabot lanskap (seperti lampu laman, bangku rehat dan pondok wakaf).</p> <p>Sehubungan dengan itu, dicadang dinaiktarafkan kawasan di sepanjang pesisir sungai ini dengan beberapa penambahbaikan tebing sungai untuk membenar serta mewujudkan aktiviti-aktiviti di persisiran sungai. Ia juga boleh menjadi laluan pejalan kaki untuk menuju ke tempat-tempat seperti kawasan Seberang Perak, Pekan Cina dan juga Limbong Kapal. Antara beberapa potensi program dan aktiviti yang dapat dilaksanakan disini adalah seperti aktiviti riadah, karnival sungai, aktiviti sukaneka dan pesta air, aktiviti berkayak, <i>boating</i>, <i>boat paddling</i> dan jet ski, aktiviti memancing, aktiviti sampan berkeluarga dan mungkin juga perkhidmatan bot tambang atau bot pelancong. Semua ini mampu menarik masyarakat tempatan dan pengunjung menjalankan aktiviti di tepi sungai dan yang paling penting memberi kedudukan yang sepatutnya kepada sungai ini sebagai aset bandar. Antara tempat yang boleh dijadikan contoh adalah seperti <i>waterfront</i> di Bandaraya Kuching, Sarawak dan juga di Cardiff Bay, Cardiff.</p>

Sumber: Hasil Analisa Penemuan Kajian (2014)

Jadual 5.2: Cadangan Program Pembangunan (Pembinaan Hotel Resort)

Nama Program	Deskripsi Program
<p>Pembinaan Hotel Resort</p>	<p>Lokasi tapak yang dicadangkan terletak di kawasan Seberang Perak di mana gunatanah semasa adalah kediaman, perniagaan dan juga gudang industri. Terdapat beberapa isu yang perlu diatasi untuk merealisasikan pembangunan yang dicadangkan, di mana terdapat lot-lot kosong terbiar dengan semak-samun di kawasan ini yang berpotensi dibangunkan kerana kedudukannya yang strategik. Malah, terdapat struktur/bangunan usang yang menjadi <i>eyesore</i> dan berkecenderungan menjadi sarang aktiviti kurang sihat di samping terdapat kilang papan dan gudang pemborong besi buruk (aktiviti industri) yang tidak sesuai berada di pusat bandaraya. Selain dari itu, didapati kebanyakan struktur/bangunan di kawasan ini berkeadaan kurang baik. Pembangunan berbentuk kemudahan penginapan pelancongan adalah bersesuaian dengan lokasi tapak yang bersebelahan dengan sungai utama dan merupakan pintu masuk dari arah selatan ke pusat bandaraya. Selain dari itu, pembangunan di tapak ini boleh menjadi kemudahan yang berkesinambungan kepada pembangunan <i>waterfront</i>. Malah ianya boleh menjadi pelengkap sebagai kemudahan bagi penganjuran majlis dan program komuniti di pelbagai peringkat. Kemudahan pelancongan yang lengkap akan menjadi faktor penarik pelancong tempatan dan juga luar. Adalah dicadang dinaik tarafkan kawasan disepanjang pesisir sungai dengan pembangunan <i>resort hotel</i>.</p> <p>Di samping berfungsi sebagai kemudahan pelancongan, cadangan ini akan menjadi kemudahan sokongan bagi penganjuran sebarang konvensyen baik di peringkat negeri, kebangsaan mahupun antarabangsa. Adalah perlu diwujudkan serta dilengkapi dengan kemudahan yang bersesuaian hingga taraf 5 bintang memandangkan lokasinya yang amat strategik. Namun begitu, kawalan harga mampu perlu dititikberatkan supaya ia dapat dinikmati oleh masyarakat daripada pelbagai taraf hidup. Antara program dan aktiviti yang berpotensi adalah seperti penginapan, konvensyen, rehat/riadah, bersantai, berkayak, makan dan lain-lain yang seumpamanya. Selain dari itu, antara komponen penting yang dirasakan perlu pada <i>resort hotel</i> ini adalah seperti bilik penginapan pelbagai kadar, dewan <i>banquet</i>, restoran-restoran masakan antarabangsa dan kemudahan-kemudahan sukan (seperti <i>gymnasium</i>, gelanggang tenis dan kolam renang umpamanya). Komponen-komponen hotel boleh diselaraskan dengan mengambilkira komponen pembangunan keseluruhan <i>waterfront</i> pada peringkat rekabentuk terperinci.</p>

Sumber: Hasil Analisa Penemuan Kajian (2014)

Jadual 5.3: Cadangan Program Pembangunan (Pembinaan Pusat Konvensyen)

Nama Program	Deskripsi Program
<p>Pembinaan Pusat Konvensyen</p>	<p>Berdasarkan kepada kajian serta pemerhatian, juga terdapat kesesuaian untuk dibina sebuah pusat konvensyen di kawasan Seberang Perak ini. Pada masa sekarang, gunatanah semasa di kawasan tersebut adalah kediaman, perniagaan dan gudang industri. Pembinaan ini dicadang memandangkan terdapat lot-lot kosong yang terbiar degan semak-samun di kawasan ini yang berpotensi dibangunkan kerana berkedudukan strategik. Terdapat struktur/bangunan usang yang menjadi <i>eyesore</i> serta berkecenderungan menjadi sarang aktiviti kurang sihat di samping terdapat kilang papan dan gudang pemborong besi buruk (aktiviti industri) yang tidak sesuai berada di pusat bandaraya. Selain dari itu, didapati kebanyakan struktur/bangunan di kawasan ini berkeadaan kurang baik. Lokasi tapak yang bersebelahan sungai utama dan juga merupakan pintu masuk dari arah selatan ke pusat bandaraya sangat sesuai untuk dibangunkan pembangunan kemudahan awam yang secara tidak langsung akan menjadi satu mercu tanda bagi pusat bandaraya.</p> <p>Di samping itu, ianya dapat menjadi tempat serta kemudahan untuk menjana aktiviti kemasyarakatan yang seterusnya akan memeriahkan lagi suasana bandaraya. Ia mampu menjadi tunjang penyertaan masyarakat khususnya masyarakat tempatan dan pengunjung luar amnya. Kawasan di sepanjang pesisir sungai ini secara tidak langsung akan dinaikkan tarafnya apabila pembangunan pusat konvensyen ini dilaksanakan. Pembinaan ini akan menjadi kemudahan penting bagi penganjuran konvensyen sama ada peringkat negeri, kebangsaan mahupun antarabangsa. Pembangunan ini mampu melonjakkan aktiviti-aktiviti kesenian dan kebudayaan di bandaraya Alor Setar. Memandangkan lokasi ini sangat strategik sebagai pusat aktiviti masyarakat, cadangan pembangunan ini perlu dilengkapi dengan kemudahan sokongan untuk orang ramai seperti kemudahan untuk solat, tandas, taman permainan kanak-kanak dan lain-lain yang dapat memanjangkan masa penyertaan masyarakat.</p> <p>Antara program dan aktiviti yang sesuai dijalankan di sini adalah seperti mengadakan konvensyen, aktiviti pameran, persembahan kebudayaan, seminar dan seumpamanya. Komponen-komponen pusat konvensyen ini boleh diselaraskan dengan mengambil kira lain-lain komponen pembangunan keseluruhan <i>waterfront</i> di peringkat rekabentuk yang lebih terperinci. Komponen-komponen yang sesuai dalam pusat konvensyen ini adalah seperti dewan auditorium, dewan serbaguna, dataran orang ramai serta lain-lain kemudahan sokongan. Contohnya seperti Hong Kong Convention and Exhibition Center yang terletak di Wanchai (bahagian utara Hong Kong) yang mana pembinaannya diintegrasikan dengan kawasan <i>waterfront</i> sedia ada.</p>

Sumber: Hasil Analisa Penemuan Kajian (2014)

Jadual 5.4: Cadangan Program Pembangunan (Pusat Rekreasi Wan Mat Saman)

Nama Program	Deskripsi Program
<p>Pembangunan Pusat Rekreasi Wan Mat Saman</p>	<p>Berdasarkan kepada kajian serta pemerhatian yang dijalankan, didapati tapak pasar besar lama yang terletak di Seberang Perak dengan gunatanah perniagaan dan industri sekarang ini sesuai diwujudkan pusat rekreasi yang boleh dinamakan dengan Pusat Rekreasi Wan Mat Saman. Ini adalah kerana sekarang ini didapati terdapat banyak lot-lot kedai di Seberang Perak yang tidak berpenghuni dan semakin ditinggalkan. Pembangunan kawasan ini didapati semakin kurang efisien. Deretan bangunan yang berhadapan sungai telah dijadikan premis industri sarang burung layang-layang yang telah mencacatkan pemandangan pusat Bandaraya Alor Setar. Malah, didapati kebanyakan struktur atau bangunan di sini dalam keadaan kuarang baik.</p> <p>Kawasan ini berpotensi dibangunkan semula menjadi pusat aktiviti berkaitan sungai. Ianya sangat sesuai dan strategik bagi pembangunan kemudahan aktiviti rekreasi keluarga di samping menonjolkan elemen sungai. Memandangkan kawasan ini merupakan tapak di mana bermulanya terusan Wan Mat Saman, maka unsur sejarahnya dapat diadaptasikan ke dalam kandungan pembangunan ini. Malah, Alor Setar belum lagi mempunyai pembangunan yang berbentuk <i>leisure centre</i>.</p> <p>Adalah amat sesuai dinaik taraf kawasan di sepanjang pesisir sungai dengan pembangunan pusat rekreasi keluarga yang mungkin boleh dinamakan dengan 'Pusat Rekreasi Keluarga Wan Mat Saman'. Ianya akan menjadi suatu kemudahan untuk memenuhi keperluan santai dan istirehat keluarga di kalangan pengunjung terutamanya masyarakat tempatan. Justeru itu, pelbagai program perlu disusun agar ianya dapat memenuhi keperluan pelbagai peringkat umur, taraf hidup serta lapisan masyarakat. Antara program dan aktiviti yang berpotensi dan sesuai adalah seperti sukan dalaman (bowling umpamanya), sekolah renang, berbasikal, sukaneka, hari keluarga dan senaman (aerobic umpamanya).</p> <p>Selain dari itu, komponen-komponen pusat rekreasi boleh diselaraskan dengan mengambil kira komponen pembangunan keseluruhan <i>waterfront</i> pada peringkat rekabentuk terperinci. Antara komponen yang sesuai adalah seperti panggung wayang pelbagai budaya, gelanggang <i>indoor go-cart</i> dan sukan motor mini, gelanggang <i>paint-ball</i>, taman permainan <i>indoor</i> kanak-kanak, taman tema air dan juga galeri Wan Mat Saman.</p>

Sumber: Hasil Analisa Penemuan Kajian (2014)

Jadual 5.5: Cadangan Program Pembangunan (Pembangunan *Linear Park*)

Nama Program	Deskripsi Program
<p>Pembangunan <i>Linear Park</i></p>	<p>Selain dari itu, setelah dibuat penelitian serta kajian, didapati kawasan tebing Sungai Kedah ke Kompleks Hijau Kuning yang mana sekarang ini guna tanah semasa adalah kediaman, perniagaan dan industri amat sesuai sekali dibangunkan <i>linear park</i>. Sehubungan dengan itu, beberapa isu perlu ditangani terlebih dahulu dan yang paling utama adalah masalah setinggan. Terdapat kelompok setinggan di sepanjang persisir sungai ini dan penempatan setinggan tersebut telah dibina dan memasuki kawasan rezab sungai yang sepatutnya boleh dinikmati oleh masyarakat awam. Selain dari itu, terdapat masalah di mana perumahan setinggan ini semuanya membelakangkan sungai dan menyebabkan sampah dan lain-lain buangan disalurkan ke sungai. Keadaan ini secara langsung telah menyumbang kepada pencemaran sungai dan menjadi halangan akses ke bahagian sungai tersebut.</p> <p>Kawasan ini telah dikenalpasti kurang efisien dan berpotensi dibangunkan semula menjadi pusat aktiviti berkaitan sungai. Malah, kawasan ini beserta rezab sungainya boleh dijadikan sebagai kawasan hijau semulajadi untuk dinikmati oleh masyarakat tempatan dan juga pelancong. Lokasi ini yang terletak bersebelahan dengan Kompleks Hijau Kuning amat sesuai untuk dilaksanakan aktiviti-aktiviti berasaskan sungai. Tapak ini juga sesuai dijadikan sebagai padang sukan awam untuk kegunaan penduduk tempatan khususnya komuniti di kawasan selatan Bandaraya Alor Setar.</p> <p>Kawasan di sepanjang persisir sungai ini perlu dinaikkan taraf dengan beberapa penambahbaikan di sekitar tebing sungai agar ianya dapat diwujudkan pelbagai aktiviti di persisiran sungai. Di samping itu, ianya juga boleh diwujudkan laluan pejalan kaki untuk menuju ke tempat-tempat seperti ke Seberang Perak, Limbong Kapal dan juga Pekan Cina. Antara aktiviti dan juga program yang sesuai dijalankan di sini adalah seperti aktiviti memancing, aktiviti memerhati burung, aktiviti perkelahan dan juga beriadah.</p> <p>Komponen-komponen yang sesuai diwujudkan di sekitar kawasan ini adalah seperti lanskap di persisir sungai bersekali dengan laluan pejalan kaki dan juga lanskap tebing susur ke sungai, padang sukan, pelantar sukan air (seperti kayak, bot rekreasi), perabot lanskap (seperti lampu laman, bangku rehat, pondok wakaf) serta lain-lain kemudahan sokongan (seperti surau, tandas, taman permainan).</p>

Sumber: Hasil Analisa Penemuan Kajian (2014)

Jadual 5.6: Cadangan Program Pembangunan (Pembangunan Pusat Sukan Air dan Pembangunan Medan dan Promenade Limbong Kapal)

Nama Program	Deskripsi Program
<p>Pembangunan Pusat Sukan Air</p>	<p>Berdasarkan kepada pemerhatian serta kajian yang dijalankan, salah satu tapak di tebing Sungai Kedah yang terletak berseberang dengan kawasan Limbong Kapal berpotensi dibangunkan sebagai Pusat Sukan Air. Memandangkan ianya bersebelahan dengan Kompleks Hijau Kuning, program-program yang berasaskan aktiviti sukan dapat dilaksanakan. Memandangkan pusat sukan air belum lagi wujud di Bandaraya Alor Setar, secara tidak langsung dengan adanya pusat seumpama ini, sukan air dapat dijadikan sebagai satu program yang dapat diketengahkan di negeri Kedah. Sukan air dapat dipromosikan di sini kerana secara geografinya Alor Setar dikelilingi oleh sungai. Kawasan di sepanjang persisir sungai ini dapat dinaik tarafkan sebagai Pusat Sukan Air berkesinambungan dengan cadangan taman <i>linear</i> di mana dicadangkan penyediaan kemudahan serta tempat untuk aktiviti sukan air. Pusat ini akan menyediakan peralatan lengkap sukan air yang boleh disewa. Di samping itu, kemudahan seumpama ini boleh juga dijadikan pusat latihan sukan dari peringkat sekolah hingga ke peringkat lebih tinggi. Secara langsung pusat ini dapat membantu untuk melatih jurulatih sukan air dan penyelamat bagi aktiviti menyelamat. Antara komponen yang dirasakan sesuai diwujudkan di sini adalah seperti rumah bot, rumah kelab sukan air, pelantar sukan air (untuk kegunaan sampan, kayak, bot rekreasi), dewan serbaguna, pavilion penonton dan pentas penganjuran acara serta lot-lot perniagaan.</p>
<p>Pembangunan Medan dan Promenade Limbong Kapal</p>	<p>Selain dari itu, berdasarkan kepada kajian serta pemerhatian yang dibuat, kawasan tebing Sungai Kedah yang guna tanah semasanya adalah kediaman, perniagaan dan gudang industri sesuai diwujudkan medan dan promenade Limbong Kapal. Kawasan ini merupakan lokasi yang strategik di Alor Setar memandangkan ianya bersempadan dengan Sungai Kedah dan berdekatan dengan pintu masuk utama ke Bandaraya Alor Setar dari arah selatan. Kedudukan tapak yang sejajar dengan jalan utama Utara-Selatan sesuai diwujudkan sebagai jalan masuk kedua ke Alor Setar yang secara langsung akan membantu kelancaran trafik keluar-masuk ke pusat bandaraya. Kawasan ini juga bersambungan dengan pusat perniagaan Alor Setar termasuk Pekan Rabu. Sehubungan dengan itu, ianya berpotensi dan sesuai dibangunkan menjadi zon perniagaan baru bagi pusat bandar. Penyusunan semula perancangan pembangunan kawasan ini boleh mengambil kira sistem aliran pejalan kaki supaya kesinambungan dari Pekan Rabu ke kawasan pusat perniagaan baru dan seterusnya ke persisir sungai diwujudkan. Antara komponen utama yang sesuai diwujudkan adalah promenade pejalan kaki beserta gerbang masuk Limbong Kapal, medan orang ramai, persiaran tepi sungai, lanskap dan perabot lanskap, kemudahan awam sokongan, medan selera, ruang pameran dan perniagaan jangka pendek dan seumpamanya. Komponen-komponen ini akan menjadi asas susunatur kepada komponen-komponen pusat perniagaan. Penyediaan sistem aliran yang baik serta ruang orang ramai sangat penting bagi memastikan pembangunan semula kawasan ini mampu menarik pengunjung.</p>

Sumber: Hasil Analisa Penemuan Kajian (2014)

Jadual 5.7: Cadangan Program Pembangunan (Pembangunan Pusat Perniagaan Baru dan Pembangunan Hub Pengangkutan)

Nama Program	Deskripsi Program
<p>Pembangunan Pusat Perniagaan Baru</p>	<p>Berdasarkan kepada pemerhatian yang dijalankan, terdapat satu kawasan di Limbong Kapal yang gunatanahnya sekarang ini bercampur aduk dengan industri (pemborongan besi buruk), perniagaan dan kediaman di samping lot-lot kosong yang terbiar dengan bangunan usang dan rumah yang ditinggalkan telah menjejaskan potensi kawasan berkenaan. Di samping pembangunan yang tidak tersusun, kawasan ini juga turut dihuni dengan setinggan. Namun begitu, kawasan ini amat sesuai dibangunkan semula sebagai pusat perniagaan baru termasuk kompleks membeli-belah. Kawasan ini merupakan lokasi yang strategik di Bandaraya Alor Setar memandangkan ia bersempadan dengan Sungai Kedah serta berdekatan dengan pintu masuk utama ke Alor Setar dari arah selatan. Malah, kawasan ini turut bersambungan dengan pusat perniagaan di Alor Setar termasuk Pekan Rabu. Dalam konteks Alor Setar, pembangunan berbentuk <i>street mall</i> adalah bersesuaian. Di samping itu, perlu dibuat penyusunan semula perniagaan dengan diberi keutamaan kepada peniaga-peniaga kecil dan sederhana. Namun begitu, gedung membeli-belah berkonsepkan butik pun turut sesuai diwujudkan di sini. Jadikan kawasan ini sepertimana jika disebut sahaja mengenai membeli-belah, sudah pasti Harrods dan Picadilly Circus umpamanya menjadi tempat pilihan jika mengunjungi Bandaraya London. Malah, di Oxford Street misalnya, deretan butik berjenama dengan pelbagai <i>design</i> dan tawaran harga yang menarik pastinya akan menarik perhatian para pengunjung.</p>
<p>Pembangunan Hub Pengangkutan</p>	<p>Selain dari itu, pembangunan semula kawasan Limbong Kapal sebagai pusat perniagaan baru bersekali dengan Hub Pengangkutan Bandar adalah sangat bersesuaian. Ianya bukan saja akan menjadi kemudahan yang penting kepada kawasan perniagaan baru yang dicadangkan, malah kepada keseluruhan pusat bandar. Hub ini akan menjadi pusat perhentian dan perhubungan antara perkhidmatan bas, teksi, keretapi dan juga beca. Cadangan pembangunan ini mengambil kira pembinaan projek landasan keretapi berkembar yang akan beroperasi tidak lama lagi. Kawasan ini merupakan lokasi yang sangat strategik di mana kedudukannya bersempadan dengan Sungai Kedah serta berdekatan dengan pintu masuk utama ke Alor Setar dari arah selatan. Ianya juga bersambungan dengan pusat perniagaan termasuk Pekan Rabu. Malah, lokasi ini juga merupakan pintu masuk ke Alor Setar dari arah timur (iaitu dari Jalan Langgar). Sebuah hub pengangkutan awam yang kedua (walaupun kecil saisinya) ini dirasakan perlu diwujudkan di tengah pusat bandaraya bagi memudahkan aliran keluar-masuk orang awam dalam bandar. Ianya dapat membantu kepada stesen utama di Shahab Perdana yang mempunyai peranannya tersendiri. Stesen atau hub pengangkutan awam di tengah pusat bandaraya ini akan membantu kepada keberkesanan sistem pengangkutan awam dalam bandar. Secara tidak langsung penggunaan kenderaan persendirian dapat dikurangkan dan mampu mengurangkan kesesakan lalulintas.</p>

Sumber: Hasil Analisa Penemuan Kajian (2014)

Jadual 5.8: Cadangan Program Pembangunan (Pembangunan *Green Lung* dan Pembangunan Taman Jejak Warisan dan Taman Warisan Melayu)

Nama Program	Deskripsi Program
<p>Pembangunan <i>Green Lung</i></p>	<p>Satu lagi kawasan yang perlu diberi wajah baru adalah kawasan Medan Bandar yang terletak di sepanjang Sungai Raja. Medan Bandar serta kawasan sekitarnya merupakan kawasan warisan di mana terletaknya kota pemerintahan yang terawal. Pada asalnya dibina pada tahun 1892 dengan nama Padang Court. Padang ini pada suatu ketika dulu meriah dengan pelbagai aktiviti masyarakat tempatan. Kawasan ini merupakan kawasan hijau dalam bandar yang perlu diperluaskan supaya lebih berkesan sebagai ruang yang nyaman. Sehubungan dengan itu, dicadang dinaiktarafkan kawasan sekitar Medan Bandar sebagai <i>green lung</i> yang berfungsi sebagai kawasan rehat dan riadah di tengah pusat Bandaraya Alor Setar. Lokasi cadangan pembangunan ini merangkumi kawasan lapang dan termasuk beberapa buah bangunan bersejarah seperti Masjid Zahir, Balai Besar, Balai Nobat, Istana Pelamin, Balai Seni, Istana Sepachendera dan Istana Kuning. Malah, lokasi ini juga terletak dalam lingkungan kawasan Pekan Rabu dan Menara Alor Setar yang menjadi mercu tanda kepada Bandaraya Alor Setar. Di samping itu, dirasakan perlu ditiadakan pagar-pagar pada setiap lot bangunan bersejarah ini memandangkan tempat ini berpotensi menjadi nodus perhubungan antara kawasan Pekan Rabu, Masjid Zahir serta Medan Peruda. Secara tidak langsung ianya tidak akan menghalang kesinambungan laluan pejalan kaki. Penyediaan ruang yang lebih praktikal seumpama ini dapat memberi peluang kepada masyarakat khususnya komuniti Bandaraya Alor Setar untuk berkumpul dan berinteraksi.</p>
<p>Pembangunan Taman Jejak Warisan dan Taman Warisan Melayu</p>	<p>Berdasarkan kepada kajian serta pemerhatian yang dijalankan, walaupun terdapat banyak bangunan warisan di sekitar kawasan Medan Bandar, Masjid Zahir dan Istana Kuning, namun begitu ianya tidak ditonjolkan secara bersepadu. Pemuliharaan bangunan seperti Istana Sepachendera dan Istana Kuning serta warisannya adalah perlu. Di samping itu, perlu dimemartabatkan elemen senibina lanskap Melayu agar tidak dilupakan generasi akan datang. Justeru itu, dicadangkan diwujudkan Taman Jejak Warisan di mana laluan jejak warisan dimulakan di Masjid Zahir dan berakhir di Istana Sepachendera yang terletak dalam kawasan yang dicadangkan sebagai Taman Warisan Melayu. Rekabentuk taman warisan ini perlu diberi penekanan kepada penanaman pokok-pokok yang mempunyai nilai sejarah serta memperlihatkan identiti Bandaraya Alor Setar. Pokok-pokok yang dimaksudkan itu adalah Pokok Setar dan Pokok Bongor. Kawasan utama yang dicadangkan untuk penanaman Pokok Setar adalah di sekitar Dataran Masjid Zahir, Balai Seni serta Medan Bandar. Selain dari itu, sesuai juga di tanam dengan Pokok Bongor di mana pokok ini turut mempunyai sejarahnya yang tersendiri. Konsep <i>point-grid</i> boleh digunakan untuk menyusun atur kedudukan laluan-laluan (jejak warisan) yang menghubungkan bangunan-bangunan warisan ini supaya dilihat sebagai satu elemen dalam taman yang jelas. Malah, <i>point-grid</i> yang kosong akan diisi dengan elemen-elemen baru seperti ukiran, kiosk informasi dan lain-lain. Bangunan-bangunan serta monumen-monumen bersejarah seumpama ini mampu menarik pelancong ke sini sama ada pelancong domestik mahupun pelancong luar negara. Bangunan-bangunan lama yang bersejarah ini juga boleh diubah suai dengan dijadikan galeri seni, muzium dan juga pusat pelancongan umpamanya. Keadaan ini boleh dilihat di beberapa buah negara antaranya di England yang mana sebahagian besar bangunan bersejarah telah dipelihara dengan begitu baik seperti di bandar Oxford, Bath, Cambridge dan York.</p>

Sumber: Hasil Analisa Penemuan Kajian (2014)

Jadual 5.9: Cadangan Program Pembangunan (Medan Masjid Zahir dan Pembangunan Pusat Rehat dan Rawat (R&R) Alor Setar)

Nama Program	Deskripsi Program
<p>Medan Masjid Zahir</p>	<p>Sebagai penambahbaikan kepada Masjid Zahir yang merupakan mercu tanda utama serta lambang keagungan agama di Alor Setar, dicadang diwujudkan sebuah dataran di hadapan Masjid Zahir sebagai gerbang atau <i>gateway</i> ke Alor Setar dan ke kawasan <i>green lung</i> yang dicadangkan. Selari dengan sejarah keagamaannya, dataran ini boleh menjadi tempat penganjuran berbagai program keagamaan (seperti ceramah umpamanya) sama ada di peringkat bandar, negeri, kebangsaan mahupun antarabangsa. Komponen serta lain-lain kemudahan sokongan bagi Medan Masjid Zahir ini boleh diselaraskan dengan mengambil kira komponen pembangunan keseluruhan <i>green lung</i> pada peringkat rekabentuk terperinci kelak. Ini termasuklah lanskap kejur dan lembut, perabot lanskap dan lain-lain yang berkaitan.</p>
<p>Pembangunan Pusat Rehat dan Rawat (R&R) Alor Setar</p>	<p>Berdasarkan kepada pemerhatian serta temubual yang dijalankan, didapati amat sesuai diwujudkan sebuah R & R bersebelahan dengan Masjid Zahir sebagai hentian pertama ke Alor Setar melalui jalan raya. Ianya dapat menyediakan ruang bagi pengunjung untuk ‘menyegarkan diri’ serta menjamu selera khususnya bagi mereka yang datang dari luar negeri Kedah. Kawasan ini sesuai dijadikan sebagai gerbang utama Alor Setar atau hentian pertama di Alor Setar memandangkan lokasinya yang strategik iaitu berkedudukan ditengah-tengah unsur tarikan pelancongan di Alor Setar. Keadaan kawasan ini mempunyai ciri-ciri yang mirip dengan kawasan sekitar Masjid Muhammadi di Kota Bharu, Kelantan di mana kawasan tersebut menjadi singgahan pertama apabila pengunjung tiba di bandar Kota Bharu. Perancangan pembangunan ini adalah adalah perlu untuk membuka akses ke sungai bagi kawasan ini yang secara tidak langsung akan memperlihatkan keadaan sebenar bahawa Alor Setar dikelilingi sungai. Sungai Anak Bukit telah terlindung oleh deretan rumah kedai lama bersebelahan Masjid Zahir ini. Antara komponen yang perlu diwujudkan di sini adalah seperti tempat letak kereta dan bas, medan selera tepi sungai, tandas awam yang lengkap dengan bilik mandi, tempat permainan kanak-kanak, pondok maklumat pelancongan dan juga hentian pengangkutan awam dalam bandar. Kemudahan-kemudahan sokongan bagi R & R ini boleh diselaraskan dengan mengambilkira komponen pembangunan keseluruhan <i>green lung</i> pada peringkat rekabentuk terperinci nanti.</p>

Sumber: Hasil Analisa Penemuan Kajian (2014)

Jadual 5.10: Cadangan Program Pembangunan (Naiktaraf Pekan Rabu dan Pembangunan Bazaar Che Det)

Nama Program	Deskripsi Program
<p>Pembangunan Naiktaraf Pekan Rabu</p>	<p>Berdasarkan kepada hasil temubual yang dilakukan dengan Pengerusi Koperasi Pekan Rabu, sememangnya dipersetujui bahawa Pekan Rabu merupakan antara mercu tanda utama Alor Setar. Namun begitu, didapati sambutan pengunjung dirasakan semakin merosot dan salah satu puncanya adalah masalah kekurangan tempat letak kereta di sekitar kawasan tersebut. Kebanyakan pengunjung didapati hanya berhenti seketika sahaja di Pekan Rabu untuk mendapatkan barangan tertentu dan jarang singgah lama untuk membeli-belah. Malah, daya saing didapati semakin lemah yang berkemungkinan disebabkan oleh faktor harga sewa lot kedai dan juga bentuk perniagaan yang rata-ratanya diwarisi secara perniagaan keluarga. Di samping itu, banyak produk kraftangan tempatan terpaksa bersaing dengan barangan impot. Berdasarkan kepada sejarah, Pekan Rabu merupakan model perniagaan orang Melayu yang berjaya. Sebab itulah Pekan Rabu masih relevan pada masa ini dan apa yang perlu dilakukan adalah dinaikkan taraf dan martabatnya selaras dengan peredaran masa. Pekan Rabu perlu mempunyai daya saing yang tinggi sama seperti lain-lain kompleks membeli-belah yang maju ketika ini. Suasana membeli-belah yang selesa perlu disediakan jika ingin melihat pengunjung yang lebih ramai berkunjung ke sini. Sehubungan dengan itu perlu dinaiktarafkan kompleks perniagaan Pekan Rabu bagi meningkatkan daya saing perniagaan dan juga suasana membeli-belah selaras dengan statusnya sebagai mercu tanda penting bagi Alor Setar. Ianya akan melibatkan penambahbaikan fizikal terutamanya berkaitan dengan ruang laluan yang lebih selesa, ruang pameran perniagaan yang lebih kemas serta jelas dan juga pencahayaan yang lebih baik. Jenis perniagaan perlu mempunyai pelbagai variasi manakala kedudukan kedai juga perlu disusun semula mengikut zon yang jelas bagi memudahkan para pengunjung. Secara ringkasnya, antara komponen yang perlu ada dan perlu diberi perhatian dalam usaha menaiktaraf Pekan Rabu ini adalah dengan membuat pelebaran laluan pejalan kaki, ruang pameran perniagaan untuk setiap lot kedai, menyediakan papan tanda nama kedai yang seragam serta memberi pengecaman kepada pengunjung berdasarkan kod warna perniagaan di bahagian dalam Pekan Rabu.</p>
<p>Pembangunan Bazaar Che Det</p>	<p>Selain dari itu, pembangunan semula deretan rumah kedai lama bersebelahan Pekan Rabu di Jalan Tunku Ibrahim dan Jalan Langgar perlu dibuat dengan diwujudkan bazaar yang sesuai dinamakan sebagai Bazaar Che Det. Berdasarkan kepada cadangan ini, rumah-rumah kedai lama ini diintegrasikan bagi membentuk ruang membeli-belah baru berbentuk bazaar atau <i>street mall</i>. Setiap lot perniagaan akan dipecahkan kepada beberapa lot perniagaan yang lebih kecil bagi memperbanyak serta membolehkan peniaga tempatan memilikinya. Walaubagaimanapun, bazaar ini tetap perlu mempunyai kesinambungan dengan Pekan Rabu. Namun begitu, cadangan pembangunan ini masih perlu memelihara kepentingan rekabentuk bangunan warisan sedia ada sepertimana di Petaling Street Mall di Kuala Lumpur, Jonker Walk di Melaka dan juga bazaar Karavanseraai di Isfahan, Iran.</p>

Sumber: Hasil Analisa Penemuan Kajian (2014)

Jadual 5.11: Cadangan Program Pembangunan (Pembangunan Medan Pekan Rabu dan Pembangunan Naiktaraf Pekan Melayu)

Nama Program	Deskripsi Program
<p>Pembangunan Medan Pekan Rabu</p>	<p>Selain dari itu, adalah perlu dinaiktarafkan kawasan sekitar Pekan Rabu dengan diwujudkan Medan Pekan Rabu di mana disediakan ruang untuk pelbagai kegiatan masyarakat di kawasan lapang berhadapan dengan Pekan Rabu dan juga di sepanjang Jalan Tunku Ibrahim. Kawasan yang dikenalpasti sibuk ini boleh disusun semula supaya lebih teratur dan tersusun. Walaupun kawasan di sekitar Pekan Rabu merupakan pusat tumpuan orang ramai, namun begitu aktiviti-aktiviti yang berlaku di sini kurang bersepadu serta berkesinambungan. Justeru itu, aktiviti-aktiviti yang berkisar di Pekan Rabu perlu dilimpahkan ke kawasan sekitarnya. Ruang tempat parkir kenderaan yang luas di hadapan Pekan Rabu sesuai dijadikan ruang 'lega' dengan dibuat penyusunan jaringan lalulintas dan juga pejalan kaki. Kawasan Jalan Tunku Ibrahim dan tempat parkir kenderaan sedia ada akan dijadikan domain pejalan kaki memandangkan jaringan lalulintas dan pejalan kaki sekarang ini didapati masih lagi kurang tersusun. Malah, komponen lanskap lembut, lanskap kejur, elemen air pancutan termasuk perabot-perabot lanskap (seperti lampu laman bangku rehat dan pondok wakaf) sesuai diwujudkan di lokasi ini. Sehubungan dengan itu, pelbagai program, sambutan dan aktiviti masyarakat dapat dilaksanakan di ruang ini disamping diwujudkan ruang pameran perniagaan jangka pendek secara sementara (<i>pedestrian mall</i>) bagi membangkitkan suasana di kawasan ini. Semua kemudahan sokongan bagi kawasan ini boleh diselaraskan dengan mengambil kira komponen pembangunan keseluruhan sekitar Pekan Rabu pada peringkat rekabentuk kelak.</p>
<p>Pembangunan Naiktaraf Pekan Melayu</p>	<p>Pekan Melayu yang merupakan antara kawasan yang dikategorikan sebagai kawasan berbangunan warisan disamping kawasan perniagaan awal di Alor Setar didapati perlu dikembalikan imej dan identitinya yang sebenar. Usaha menaiktaraf kawasan sekitar Pekan Melayu akan melibatkan kerja-kerja membaikpulih tapak serta struktur rumah-rumah kedainya. Komposisi perniagaan yang diwakili oleh peniaga Melayu adalah sangat kurang dan tidak lagi selari dengan nama tempatnya. Walaupun aktiviti perniagaan masih lagi aktif, namun jenis sertabentuk perniagaannya adalah mirip dengan apa yang terdapat di Pekan Cina. Malah, kesinambungannya dengan Pekan Rabu semakin kurang jelas. Kawasan yang dikenalpasti ini walaupun semakin hilang identitinya, namun begitu ianya boleh dikembalikan kemahsyurannya sebagai pusat perniagaan dan juga tarikan pelancongan. Suasana lokasi ini boleh dihidupkan semula melalui tema sejarahnya. Malah, penyusunan semula jenis perniagaan boleh dilakukan selaras dengan nama Pekan Melayu. Melalui pengintegrasian dengan kawasan Medan Bandar, Pekan Cina dan Pekan Rabu, ia mampu membentuk satu zon pusat warisan bandar yang maju dan menarik. Selain dari itu, dicadang dibuat penambahan dengan mewujudkan ruang pejalan kaki yang lebih baik, memperbanyakkan lampu taman dan bangku rehat untuk membentuk suasana membeli belah yang lebih selesa. Dengan itu, ianya akan menimbulkan semula unsur-unsur warisan di lokasi ini. Suasana di sini mirip sepertimana Bandaraya Granada, Sepanyol di mana terdapat kepelbagaian budaya dari segi bahasa, masakan dan juga senibina. Dapat dilihat bagaimana orang Muslim dan orang Catholik hidup seiringan walaupun terdapat pertembungan budaya dan juga etnik. Di Albayzin (Plaza de San Nicholas) umpamanya, iaitu sebuah kawasan di bandaraya Granada masih terdapat bentuk perniagaan yang mirip kepada perniagaan orang Arab Madinah dengan pelbagai bentuk jualan. Malah, terdapat juga lain-lain budaya yang turut menjadikan Granada sebuah bandaraya yang unik dan segar seperti budaya masyarakat Yahudi dan juga masyarakat Gypsy (Granada Insider).</p>

Sumber: Hasil Analisa Penemuan Kajian (2014)

Jadual 5.12: Cadangan Program Pembangunan (Naiktaraf Pekan Cina dan Pembangunan Medan Selera Tanjung Chali)

Nama Program	Deskripsi Program
<p>Pembangunan Naiktaraf Pekan Cina</p>	<p>Selain dari itu, Pekan Cina juga perlu juga dinaiktaraf kepada potensinya yang sebenar. Ia juga merupakan antara kawasan yang bangunannya dikategorikan sebagai bangunan warisan dan juga kawasan perniagaan awal bandar Alor Setar. Pekan Cina bukan sahaja kekal sebagai kawasan perniagaan, malah ia turut mengekalkan kebudayaannya dari sudut sosial. Kawasan ini terletak bersebelahan dengan Sungai Anak Bukit, akan tetapi pembangunannya dilihat membelakangkan sungai. Justeru itu, tumpuan perubahan perlu dilihat berkaitan dengan deretan rumah kedai bersebelahan sungai ini supaya dijadikan <i>dual-frontage</i>. Disamping itu, perlu juga dibuat penambahbaikan pada beberapa kemudahan antaranya seperti laluan pejalan kaki dan lampu jalan agar suasana membeli-belah yang lebih selesa di lokasi ini. Cadangan menaiktaraf Pekan Cina ini perlu ada penyelarasan dan pengintegrasian dengan kawasan Pekan Melayu, Medan Bandar dan Pekan Rabu bagi membentuk sebuah zon pusat warisan bandar. Kebanyakan Chinatown di lain-lain bandaraya dunia tetap mengekalkan identiti serta imej warisan mereka, sama ada dari segi perniagaan mahupun adat resam. Di Singapura umpamanya, Pagoda Street merupakan contoh yang agak mirip dengan Pekan Cina di Alor Setar ini.</p>
<p>Pembangunan Medan Selera Tanjung Chali</p>	<p>Kawasan bersebelahan Pekan Cina di tepi Sungai Kedah walaupun mempunyai antara pemandangan yang indah di Alor Setar, namun begitu ia masih kurang mendapat perhatian di kalangan penduduk tempatan. Ini berkemungkinan disebabkan kurangnya aktiviti-aktiviti yang menarik dilakukan sehingga menyebabkan penyertaan pengunjung terutamanya komuniti tempatan tidak tertarik ke lokasi berkenaan. Sehubungan dengan itu, untuk memeriahkan semula kawasan ini, dicadang diwujudkan Medan Selera Tanjung Chali dengan menyediakan ruang gerai pelbagai makanan serta ruang makan yang eksklusif di tepi sungai. Perabot ruang makan yang tetap akan diintegrasikan dengan lanskap untuk memastikan suasana yang lebih tersusun serta berkaitan dengan elemen sungai sedia ada. Lanskap lembut serta lanskap kejur serta air pancutan (yang menggunakan kitaran air sungai) akan menampilkan suasana yang lebih meriah dan segar di lokasi ini. Suasana kawasan ini mempunyai aura tersendiri kerana deretan rumah kedai di sini dikategorikan sebagai bangunan warisan dan mempunyai nilai senibinanya tersendiri. Malah, pihak kerajaan boleh memberi insentif kepada pemilik-pemilik rumah kedai ini bagi membolehkan penceriaan premis dilakukan. Pembangunan di kawasan ini perlu dilaksanakan agar ianya dapat diselaras dan diintegrasikan dengan kawasan Pekan Cina, Pekan Melayu dan Seberang Perak bagi membentuk zon Waterfront Alor Setar.</p>

Sumber: Hasil Analisa Penemuan Kajian (2014)


Jadual 5.13: Cadangan Program Pembangunan (Pembangunan Pelantar Pesisiran Sungai dan Pembangunan Sistem Pejalan Kaki dan Basikal)

Nama Program	Deskripsi Program
<p>Pembangunan Pelantar Pesisiran Sungai</p>	<p>Walaupun Bandaraya Alor Setar dikelilingi oleh Sungai Kedah, Sungai Anak Bukit dan Sungai Raja, namun begitu elemen sungai sebagai aset semulajadi yang indah ini gagal dipamerkan dengan begitu jelas dalam pembangunan pusat bandaraya ini. Sungai Anak Bukit umpamanya telah terlindung oleh deretan rumah kedai di Pekan Cina. Malah, orientasi bangunan yang membelakangkan sungai telah menyebabkan sungai berkenaan terdedah kepada pencemaran. Justeru itu, didapati kawasan yang bersempadan dengan sungai boleh diindah dan di buka laluan kepada orang ramai. Contoh terbaik adalah seperti yang telah dilaksanakan di pesisir Sungai Melaka. Pelantar untuk kegunaan orang ramai boleh dibina pada bahagian tebing yang tidak mempunyai rezab yang mencukupi. Dengan itu pengindahan sebahagian pesisir Sungai Anak Bukit di belakang Pekan Cina dapat dilakukan dengan pembinaan Pelantar Pesisiran Sungai. Ianya akan turut melibatkan pembinaan laluan pejalan kaki supaya sungai boleh dikunjungi oleh orang ramai khususnya komuniti Bandaraya Alor Setar. Kemudahan yang diwujudkan dapat dimanfaatkan dengan mengadakan pelbagai aktiviti riadah dan memancing umpamanya. Malah, premis restoran atau <i>café</i> turut boleh diwujudkan di sini.</p>
<p>Pembangunan Sistem Pejalan Kaki dan Basikal</p>	<p>Berdasarkan kepada kajian serta pemerhatian, didapati perlu diwujudkan jalinan laluan pejalan kaki yang komprehensif untuk menghubungkan setiap tempat menarik, ruang terbuka, taman rekreasi dan nod pengangkutan di sekitar pusat Bandaraya Alor Setar. Ini secara tidak langsung akan menggalakkan orang ramai berjalan kaki dari satu destinasi ke destinasi yang dikehendaki. Malah, ini akan meningkatkan lagi tahap kesihatan warga bandar. Laluan pejalan kaki yang disediakan hendaklah selamat dan selesa di samping meminimumkan konflik antara laluan pejalan kaki dengan laluan kenderaan bermotor. Disamping itu, sesuai juga ditanam pokok-pokok teduhan serta elemen lanskap yang menarik di sepanjang laluan berkenaan. Elok juga disediakan kiosk-kiosk jualan dan pertanyaan di sepanjang laluan ini. Laluan pejalan kaki utama perlu diwujudkan di kawasan <i>green lung</i>, Taman Warisan, Masjid Zahir, dataran promenade, Pekan Melayu dan Pekan Cina di mana semua jaringan pejalan kaki ini menghala dan menghubungkan ke Dataran Pekan Rabu yang menjadi nod utama. Jaringan laluan pejalan kaki perlu juga diwujudkan di sepanjang pesisiran Sungai Kedah menghala ke <i>linear park</i> dan juga Alor Setar Waterfront. Malah, ianya juga perlu diwujudkan menghala ke hub pengangkutan dan juga pejabat Majlis Bandaraya Alor Setar. Imej Bandaraya Amsterdam di Belanda contohnya, sering dikaitkan dengan penggunaan basikal. Dalam kempen-kempen yang dijalankan, pentadbiran Bandaraya Amsterdam telah menggelar bandaraya tersebut sebagai <i>Bike Capital of Europe</i> di mana 50% penduduknya menggunakan basikal setiap hari, 28% beberapa kali seminggu dan 8% setiap minggu. Bandaraya Amsterdam secara fizikalnya bertanah rata serta pamah dan corak pembangunannya adalah secara <i>semi-circular</i>. Didapati penggunaan basikal di sini turut dibantu oleh jambatan-jambatan kecil yang menghubungkan terusan-terusan yang banyak dan panjang di bandaraya tersebut. Senario ini telah menjadi <i>branding</i> Amsterdam sudah sekian lama.</p>

Sumber: Hasil Analisa Penemuan Kajian (2014)

5.4 Rumusan Bab

Dengan adanya perancangan serta pembangunan yang tersusun, imej serta identiti Bandaraya Alor Setar yang baru dapat diwujudkan di samping *branding* yang baru juga. Berdasarkan kepada cadangan-cadangan pembangunan yang dinyatakan di atas, secara tidak langsung ianya bertepatan dengan strategi *branding* yang diutarakan oleh Kavaratzis & Ashworth (2006) di mana identiti jenama dan imej jenama merupakan komponen-komponen penting dalam proses *branding*. Justeru itu, jika ditafsirkan kepada proses *rebranding* sesebuah bandar berdasarkan kepada strategi *branding* ini, kesimpulannya adalah seperti di Rajah 5.2.



Rajah 5.2: Tafsiran Kepada Komponen Proses *Rebranding* oleh Kavaratzis & Ashworth (2006)

BAB 6

RUMUSAN DAN KESIMPULAN

6.1 Pengenalan

Untuk melaksanakan segala perancangan pembangunan dalam usaha mewujudkan imej dan identiti tertentu sesebuah bandar khususnya dalam konteks pelancongan dalam proses *rebranding* bukanlah sesuatu yang mudah. Namun begitu ianya bukan sesuatu yang mustahil untuk dilaksana bagi mencapai matlamat dan objektif yang telah ditetapkan. Apa yang penting adalah penglibatan dan komitmen semua pihak dalam memberi tumpuan dan perhatian dalam mencari dan menyelesaikan setiap masalah perancangan pembangunan dan isu perbandaran dalam pelbagai perspektif. Sehubungan dengan itu, Akta Perancangan Bandar Dan Desa 1976 (Akta 172) adalah sangat penting dan perlu dijadikan panduan.

Setiap individu serta agensi yang terlibat perlu memahami bahawa setiap proses perancangan itu perlu bermula dengan mengadakan kajian awal. Ianya akan disusuli dengan penyediaan pelan dan seterusnya peringkat pelaksanaan yang akan melibatkan pengurusan dan pengawalan melalui organisasi serta agensi yang mentadbir, mengurus dan mengendalikan setiap perancangan yang terkandung dalam Rancangan Pelan Struktur dan Pelan Tempatan.

Pelaksanaan tanggungjawab perancangan oleh pihak berwajib seperti yang terkandung dalam Akta Perancangan Bandar Dan Desa 1976 termasuk lain-lain dasar dan garis panduan (seperti Dasar perbandaran Negara, Garis Panduan Pembangunan Melibatkan Sungai dan Rizab Sungai, Garis Panduan Kawasan Perniagaan (Sektor Perdagangan), Garis Panduan Khusus Rekabentuk Bandar dan Garis Panduan Umum Rekreasi dan Lanskap umpamanya) mampu secara menyeluruh dan komprehensif melaksanakan setiap perancangan pembangunan dengan cekap dan berkesan.

6.2 Rumusan dan Kesimpulan

Kebanyakan *branding* atau penjenamaan sesebuah bandar bergantung kepada pengalaman orang perseorangan. Walaupun terdapat pelbagai teknologi yang canggih dan keterhadapan untuk berhubung antara satu sama lain, namun begitu kebanyakan maklumat masih disampaikan secara tradisional iaitu penyampaian maklumat dari mulut ke mulut. Jika orang perseorangan mengalami pengalaman yang baik dan manis terhadap sesebuah bandar itu, mereka akan bercerita mengenainya. Jika pengalaman yang dihadapinya adalah buruk, maka penceritaannya adalah sebaliknya.

Selain dari itu, komponen utama dalam *branding* atau penjenamaan sesebuah bandar adalah bagaimana persepsi penduduk terhadap bandar tersebut. Untuk memastikan sesebuah bandar mempunyai *brand* tersendiri, ia perlu mempunyai pendirian atas sesuatu sepertimana yang dinyatakan oleh Levit, M. (2003). Malah, penampilan atau *appearance* turut menjadi elemen utama dalam *rebranding* sesebuah bandaraya di mana karektor fizikalnya adalah sangat penting.

Dalam kajian ini, pengkajian dilakukan dengan hanya memberi tumpuan kepada beberapa zon sahaja di pusat Bandaraya Alor Setar iaitu kawasan sekitar Sungai Kedah dan Anak Bukit, kawasan Medan Bandar dan sekitarnya serta kawasan sekitar Pekan Rabu. Adalah dicadangkan kajian turut dilaksanakan di kawasan sekitar Jalan Pintu Sepuluh dan Market Kobo, kawasan petempatan di kawasan Kampong Pisang dan Jalan Stadium serta tidak ketinggalan sistem pengangkutan dan lalulintas di pusat bandaraya dalam kajian di masa hadapan.

Justeru itu, pentadbiran negeri Kedah dan Majlis Bandaraya Alor Setar perlu mengenalpasti kerangka pembangunan fizikal yang melibatkan proses perbandaran dan spiritual yang turut mengaitkan faktor manusia dan kemanusiaan secara komprehensif dalam usaha mewujudkan imej dan identiti sebagai bandaraya bertamadun dalam proses *rebranding* yang akan dilaksanakan.

SENARAI RUJUKAN

Aaker, D. 1996. *Building Strong Brands*, New York: The Free Press.

Abd. Samad Hadi, Shaharudin Idrus & Abdul Hadi Harman Shah. *Persekitaran Bandar Lestari Untuk Kesejahteraan Komuniti*. *Malaysian Journal of Environment Management* 5 (2004).

Ashworth, G. and Tunbridge, J. 1990. *The Tourist-Historic City*, London: Belhaven

Ashworth, G. and Voogd, H. 1990. *Selling the City*, London: Belhaven.

Ashworth, G. and Voogd, H. 1994. "Marketing and Place Promotion," in J. Gold and S. Ward (eds.), *Place Promotion: The Use of Publicity and Marketing to Sell Towns and Regions*, Chichester: John Wiley and Sons: 99-113.

Babbie, E. (1999). *The Basic of Social Research*. New York: Wadsworth Publishing Company.

Barke, M. and Harrop, K. 1994. "Selling the Industrial Town: Identity, Image and

Bramwell, B. and Rawding, L. 1996. "Tourism Marketing Image of Industrial Cities," *Journal of Tourism Research*, 23/1: 201-221.

Braune, J. 2000. "Consumer Empowerment Creates a Shift in the Marketing Model", *Journal of Brand Management*, 7/6: 395-404.

Brueckner, J., Thisse, J. and Zenov, Y. 1999. "Why is Central Paris Rich.

Chang. (2008). *Art and Soul: Powerful and Powerless Art in Singapore*. *Environmental and Planning A*, 40(8), 1921-1943.

- Churchill, G. 1991. *Market Research: Methodological Foundations*, Fifth Edition,
- Dahles. 1998. "Redefining Amsterdam as a Tourist Destination", *Annals of Tourism*
- Dasar Perbandaran Negara, Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Semenanjung
Malaysia, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan.
- Downtown Detroit Poor? An Amenity Based Theory," *European Economic Review*,43/1: 91-107.
- Draf Rancangan Struktur Negeri Kedah: 2002 – 2020, Kerajaan Negeri Kedah Darul
Aman.
- Draf Rancangan Tempatan Majlis Perbandaran Ampang Jaya 2020, Jilid 2.
- Gardner, B. and Levy, S. 1955. "The Product and the Brand," *Harvard Business*.
- Granada Insider, Issue 04, September 2010.
- Haigh, D. 2000. "Walking Away from a \$3 Billion Brand", *Accountancy Age*, 14
- Ibnu Khaldun (2002). *Mukadimah*. Terjemahan (Cetakan Keempat). Kuala Lumpur:
Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ibrahim Ismail (1987). *Sejarah Kedah Sepintas Lalu*. Percetakan Seasons Sdn. Bhd.,
Kuala Lumpur.
- International Journal of Public Sector Management*, 7/2: 35-40.
- Kanter, R. 1995. "Thriving Locally in the Global Economy", *Harvard Business Review*,73/5: 151-161.

Kevin Lynch. (1960). *The Image of the City*. Cambridge Massachussettes, MIT Press.

Levit, Mark. (2003). "Branding". *Partners & Levit Advertising*, 4/29/04. *Management*, 6/6: 409-426.

Matson, E. 1994. "Can Cites Market Themselves Like Coke and Pepsi Do?" *Mayor's Annual Report 2013: Charlottetown*.

McKercher, B., & Cros, H. 2002. *The partnership between tourism and cultural heritage management*. New York, London and Oxford: The Haworth Hospitality Press.

Mona Helmy. (2008). *Urban Branding Strategies and the Emerging Arab Cityscape : The Image of the Gulf City*. Stuttgart University.

Oppenheim, A. 1996. *Questionnaire Design, Interviewing and Attitude Measurement*, London: Pinter Publishing.

Patterson, M. 1999. "Re-appraising the Concept of Brand Image," *Journal of Brand*

Pelan Strategik Majlis Perbandaran Kuantan 2009-2014.

Programmes: A Change in Paradigm and a Focus on Determinants of Success," *Journal of Business Research*, 37/2: 142-157.

Prospects," *Journal of Retailing and Consumer Services*, 5/1: 55-58.

Pucher, J. (2007). *Cycling Case Studies*. Rutgers University. *Research*, 25/1: 55-69. *Review*, 33, March/April: 33-39.

Robson, S. and Foster, A. 1989. *Qualitative Research in Action*, London: Edward

- Ryder, I. 2000. "Futurology of Brand Management," *Journal of Brand Management*,
- Sabitha Marican. (2006). *Penyelidikan Sains Sosial*. Sintok: Penerbit Universiti Utara Malaysia. September: 22-24.
- Smith, Valene L. (1979). *Hosts and guests: the anthropology of tourism*. Philadelphia: University of Pennsylvania Press.
- Spearritt, Peter. (2002). "Marketing Cities: Icons, Brands, and Slogans." *Brisbane Institute*. Jun 12. p 1.
- Statistik Kedah Darul Aman 2012.
- Stewart, M. 1996. "Competition and Competitiveness in Urban Policy," *Public Money and Management*, 16/3: 21-27.
- Warnaby, G. 1998. "Marketing UK Cities as Shopping Destinations.
- Warnaby, G. and Davies, B. 1997. "Cities as Service Factories? Servuction System for Marketing Cities as Shopping Destinations," *International Journal of Retail and Distribution Management*, 25/6: 204-210.